



KAKIB
KOPERASI ANGGOTA KERAJAAN
IPOH BERHAD

LAPORAN TAHUNAN 2024

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KALI KE-99
22 JUN 2025 (AHAD)



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KAKIB KE-99 PADA 22.06.2025 (AHAD)

MENGUNDI

TEMPAT : DEWAN ST. JOHN AMBULANCE,
JALAN RAJA MUSA AZIZ, 30300 IPOH, PERAK
(BERHADAPAN TAMAN DR. SEENIVASAGAM, IPOH)

MASA : 8.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAH HARI

NOTA:

1. ANGGOTA YANG TELAH BERHENTI SEBELUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN INI TIDAK LAYAK MENGUNDI.
2. ANGGOTA BARU YANG BELUM MENJELASKAN FI MASUK, YURAN BULANAN DAN MODAL SYER ANGGOTA TIDAK LAYAK MENGUNDI.
3. ANGGOTA-ANGGOTA YANG TIDAK MEMBAWA KAD PENGENALAN ATAU LAIN-LAIN PENGENALAN DIRI BERGAMBAR TIDAK DIBENARKAN MENGUNDI.
4. ANGGOTA **TIDAK BOLEH MENGUNDI BAGI PIHAK ANGGOTA LAIN.**
5. PEMBAYARAN ELAUN MENGUNDI SEBANYAK RM50.00.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA KOLEJ POLY-TECH MARA IPOH,
BANDAR MERU RAYA, 30020 IPOH, PERAK


MASA PENDAFTARAN : 11.00 PAGI HINGGA 3.00 PETANG
(PENDAFTARAN DITUTUP MULAI JAM 3.00 PETANG)

*(ANGGOTA DIKEHENDAKI MENUNJUKKAN KAD PENGENALAN ATAU
LAIN-LAIN PENGENALAN DIRI BERGAMBAR SEMASA PENDAFTARAN)*

ANGGOTA TIDAK BOLEH MENDAFTAR BAGI PIHAK ANGGOTA LAIN

MESYUARAT BERMULA : 2.30 PETANG

**PEMBAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT SEBANYAK RM50.00
AKAN DILAKUKAN DARI JAM 12.00 TENGAH HARI HINGGA 2.00 PETANG
DAN SELEPAS SELESAI MESYUARAT**



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KAKIB
DEWAN SERBAGUNA KOLEJ POLY-TECH MARA IPOH
BANDAR MERU RAYA, 30020 IPOH, PERAK

LOKASI TEMPAT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KAKIB

PEJABAT KAKIB
KOPERASI
ANGGOTA KERAJAAN
IPOH BERHAD
 111-B, TINGKAT 1
 JALAN DATO' ONN JAAFAR
 30300 IPOH, PERAK

PEMBUANGAN UNDI
DEWAN ST. JOHN AMBULANCE
JALAN RAJA MUSA AZIZ
30300 IPOH, PERAK
(BERHADAPAN TAMAN
DR. SEENIVASAGAM, IPOH)

MAKLUMAN

LAMAN SESAWANG KAKIB 🌐

www.kakib.my

(BORANG-BORANG PERMOHONAN
 BOLEH DIMUAT TURUN DARI LAMAN
 SESAWANG INI)

FACEBOOK KAKIB 📘

kakib4u

(BERITA-BERITA DAN AKTIVITI-AKTIVITI
 SEMASA)

WHATSAPP KAKIB 📱

011-6254 0707

(UNTUK SEMAKAN KELAYAKAN PEMBIAYAAN,
 HANTAR SLIP GAJI KE NOMBOR INI)

E-MEL KAKIB ✉️

kakib4u@hotmail.com,

mail@kakib.my

HUBUNGI KAMI DI
NOMBOR-NOMBOR BERIKUT 📞

PEJABAT KAKIB :

05-254 0707 / 05-253 5369 /

05-243 1864

FAKS : 05-255 0994

AR RAHNU KAKIB :

05-205 8089

AR RAHNU KAKIB CAWANGAN SILIBIN :

05-526 9055

KANDUNGAN



- 3 STRUKTUR ORGANISASI KAKIB TAHUN 2024

- 4 GAMBAR ANGGOTA LEMBAGA TAHUN 2024 - 2025

- 5 GAMBAR JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN TAHUN 2024 - 2025

- 6 PERUTUSAN PENERUSI KAKIB

- 7 CALON ANGGOTA LEMBAGA KAKIB BAGI TAHUN 2025 - 2026

- 8 PERATURAN MENGUNDI DAN PERATURAN MESYUARAT AGUNG

- 9 NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DAN AGENDA

- 12 ETIKA MESYUARAT AGUNG

- 18 MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-98 PADA 30.06.2024

- 36 LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KIRA-KIRA YANG BERAKHIR PADA 31.12.2024

- 52 KEPUTUSAN UNDIAN ANGGOTA LEMBAGA BAGI TAHUN 2024 - 2025

- 53 LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2024

- 57 PANDANGAN SURUHANJAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR PADA 31.12.2023

- 58 LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2024

- 106 ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2026 KAKIB

- 109 ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2026 BAGI UNIT JUALAN KAKIB

- 110 ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2026 BAGI AR-RAHNU KAKIB

- 111 ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2026 BAGI AR-RAHNU KAKIB CAWANGAN SILIBIN

- 112 LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2024 KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD. (PELANCONGAN & KAKIB WELLNESS)

- 157 ANGGARAN PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN BAGI KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD. KAKIB 2026


- 159 CADANGAN PENUTUPAN SUBSIDIARI KAKIB TRAVEL & TOURS MANAGEMENT SDN. BHD.

- 161 LAPORAN PRESTASI KEWANGAN KAKIB DALAM TEMPOH 10 TAHUN (2015 - 2024)

STRUKTUR ORGANISASI KAKIB TAHUN 2024

PENGERUSI LEMBAGA	Mohd Hasrizad bin Zaman, P.P.T.
SETIAUSAHA	Azizul bin Mansur
BENDAHARI	Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly, P.L.P.
ANGGOTA LEMBAGA	Mohd Shafri bin Sulaiman Haji Jamal bin Abdul Moin Abdull Wahab bin Busu Mazalan bin Mutaffa Mohd Huzaifah bin Ismadi Zollizan bin Mat Tahir Muhamad Farid bin Ibrahim Khairizal bin Napiah Haroun Agoes Salim bin Shafie Mohd Noor Aniq Zuhaili bin Ahmad Anuar Sayuti bin Che Ab Kadir (<i>mulai 30.06.2024</i>) Mohd Nazri bin Mat Ail (<i>mulai 30.06.2024</i>) Mohamed Norazlee bin Mohd Radzi (<i>sehingga 30.06.2024</i>) Zarawi bin Zainudin (<i>sehingga 30.06.2024</i>)
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	Azuwan Shah bin Mohd Sharif (<i>Pengerusi</i>) Firdaos bin Mohamad Aris (<i>Setiausaha</i>) Sukumaren a/l Perisamy (<i>Anggota Jawatankuasa</i>) Mohsin bin Mohd Afdzaluddin (<i>Anggota Jawatankuasa</i>)
JURUAUDIT LUAR	ARA Associates (SKM (A) 0477 No. 4, Persiaran Pengkalan Timur 26 Medan Pengkalan Impian 31650 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
BANK	Bank Islam Malaysia Berhad Bank Muamalat Malaysia Berhad MBSB Bank Berhad CIMB Bank Berhad Co-opbank Pertama Malaysia Bhd Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
PEJABAT	No. 111-B, Tingkat Satu, Jalan Dato' Onn Jaafar 30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan Tel. : 05-254 0707, 05-253 5369 Tel/Faks : 05-255 0994 Whatsapp : 011-6254 0707 Website : www.kakib.my Facebook : KAKIB4U E-mel : kakib4u@hotmail.com, mail@kakib.my Koordinate : 4.600013,101.08472

ANGGOTA LEMBAGA 2024 - 2025



BARISAN BELAKANG DARI KIRI : Encik Haroun Agoes Salim bin Shafie, Encik Anuar Sayuti bin Che Ab Kadir, Encik Khairizal bin Napiah, Encik Mohd Noor Aniq Zuhaiti bin Ahmad, Encik Abdull Wahab bin Busu, Encik Muhammad Farid bin Ibrahim, Encik Mohd Shafri bin Sulaiman dan Encik Mohd Huzaifah bin Ismadi.

BARISAN DEPAN DARI KIRI : Encik Zollizan bin Mat Tahir, Encik Nazri bin Mat Ail, Encik Azizul bin Mansur (*Setiausaha*), Encik Mohd Hasrizad bin Zaman PPT. (*Pengerusi*), Tuan Syed Mohamad Jamahatullil bin Syed Zulkifly P.L.P. (*Bendahari*), Encik Mazalan bin Mutaffa dan Tuan Haji Jamal bin Abdul Moin.

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2024 - 2025



DARI KIRI :

Encik Firdaos bin Mohamad Aris (*Setiausaha*),
Encik Azuwan Shah bin Mohd Sharif (*Pengerusi JAD*),
Encik Mohsin bin Mohd Afdzaluddin Ail dan
Encik Sukumaren a/l Perisamy

PERUTUSAN Pengerusi KAKIB

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera Keluarga KAKIB yang dikasihi.

Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Sukacita dengan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pihak pengurusan Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) diatas kesungguhan untuk menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) pada kali yang ke 99. Ini jelas membuktikan bahawa barisan ALK bersama-sama dengan Pengurusan serta Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) KAKIB sangat komited menggembelng sepenuh tenaga, jiwa dan raga agar sentiasa memastikan yang terbaik untuk para anggotanya.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana Keluarga KAKIB masih terus setia sehingga kini dalam memastikan KAKIB kekal relevan dan dapat memberikan pelbagai manfaat kepada anggotanya. Saya mewakili barisan ALK mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh Keluarga KAKIB yang dikasihi atas kesetiaan serta semangat berkoperasi yang tidak pernah padam dalam diri.


Saya yakin dan percaya dengan kerjasama serta sokongan daripada semua pihak terutamanya anggota KAKIB, prestasi pencapaian keuntungan akan dapat ditingkatkan pada masa hadapan dan secara tidak langsung dapat memberikan pelbagai manfaat kepada anggotanya. Bagi memastikan prestasi ini terus meningkat, pihak ALK yang telah diberi amanah akan terus merangka dan merancang pelan strategik yang komprehensif bagi menentukan hala tuju terutama perniagaan sedia ada dan perniagaan yang akan diceburi pada masa akan datang.

Saya menyeru kepada seluruh anggota KAKIB supaya menggunakan Mesyuarat Agung Tahunan ini sebagai platform untuk memberikan idea yang bermutu dan sentiasa berhemah dalam perbincangan sepanjang mesyuarat berlangsung.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat bermesyuarat kepada seluruh anggota KAKIB dan berharap semoga mesyuarat ini berjalan dengan penuh tertib dan teratur serta diberkati Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Ikhlas dari saya,



MOHD HASRIZAD BIN ZAMAN, P.P.T.
Pengerusi KAKIB



CALON ANGGOTA LEMBAGA KAKIB BAGI TAHUN 2025 - 2026

No.	Nama Anggota	No. Anggota	Jabatan
1.	Abdull Wahab bin Busu	22704	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh
2.	Haji Jamal bin Abdul Moin	20276	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh
3.	Khairizal bin Napiah	26876	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh
4.	Muhamad Farid bin Ibrahim	28550	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh
5.	Mohd Huzaifah bin Ismadi	28528	Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Ipoh
6.	Mohamad Zulhelmi bin Shamsul Baharin	29390	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh

PERATURAN MENGUNDI DAN PERATURAN MESYUARAT AGUNG

1. Tempat mengundi di **DEWAN ST. JOHN AMBULANCE, JALAN RAJA MUSA AZIZ, 30300 IPOH. (BERHADAPAN TAMAN DR. SEENIVASAGAM, IPOH).**
2. Borang mengundi dikeluarkan dari jam **8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari pada hari Ahad 22 Jun 2025.** Anggota dinasihatkan datang mengundi pada waktu yang ditetapkan.
3. Sila kemukakan **Kad Pengenalan** atau Lain-lain **Pengenalan Diri Bergambar** semasa pendaftaran mengundi. 10 saluran mengundi akan disediakan. Anggota boleh **mendaftar di mana-mana bilik mengundi yang disediakan.** Anggota-anggota yang tidak membawa Kad Pengenalan atau lain-lain pengenalan diri bergambar tidak akan dibenarkan mengundi. Anggota tidak boleh mengundi bagi pihak anggota lain.
4. Anggota yang layak mengundi akan diberi sehelai kertas undi, kupon untuk menuntut bayaran elaun kehadiran yang bernilai **RM50.00.**
5. Anggota yang telah berhenti sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan ini tidak layak mengundi.
6. Anggota baru tetapi belum membayar **Fi Masuk, Yuran Bulanan dan Modal Syer Anggota** tidak layak mengundi.

PERATURAN MENGHADIRI MESYUARAT

1. Mesyuarat akan dimulakan jam 2.30 petang di **DEWAN SERBAGUNA KOLEJ POLY-TECH MARA, IPOH, LOT 339325, BANDAR MERU RAYA, IPOH.**
2. Anggota diminta **mendaftar kehadiran** apabila masuk ke dalam Dewan Mesyuarat mengikut saluran yang telah ditetapkan dengan menunjukkan **Kad Pengenalan. Pendaftaran bermula jam 11.00 pagi dan ditutup pada jam 3.00 petang.**
3. Anggota akan diberi kupon untuk menuntut bayaran elaun kehadiran bernilai **RM50.00** ketika pendaftaran yang akan **dibayar bermula jam 12.00 tengah hari sehingga 2.00 petang dan selepas selesai Mesyuarat Agung Tahunan. Kupon sah dituntut sehingga 26 Jun 2025. Sebarang tuntutan selepas daripada tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.**
4. Anggota **tidak boleh mendaftar bagi pihak anggota lain.**
5. Anggota-anggota adalah diminta mematuhi Etika Mesyuarat Agung Tahunan bagi menjamin kelicinan dan ketenteraman perjalanan mesyuarat.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DAN AGENDA

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) yang Ke Sembilan Puluh Sembilan (99) akan diadakan seperti berikut :-

Hari : **Ahad**

Tarikh : **22 Jun 2025**

- Tempat : a) *Mengundi* - **Dewan St. John Ambulance,
Jalan Raja Musa Aziz,
30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
(Berhadapan Taman Dr. Seenivasagam)
(8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari)**
- b) *Mesyuarat* - **Dewan Serbaguna Kolej Poly-Tech MARA Ipoh,
Lot 339325, Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
(2.30 petang)**

AGENDA – MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- 8.00 pagi* - Ucapan Aluan Pengerusi
- Mesyuarat Agung Tahunan KAKIB Ke-99 Bermula
1. Undian Pemilihan Lima (5) orang Anggota Lembaga untuk mengambil tempat yang dikosongkan oleh :-
 - 1.1 Encik Abdull Wahab bin Busu
 - 1.2 Encik Muhammad Farid bin Ibrahim
 - 1.3 Encik Mohd Huzaifah bin Ismadi
 - 1.4 Encik Khairizal bin Napiah
 - 1.5 Tuan Haji Jamal bin Abdul Moin
- 2.30 petang* - Ucapan aluan Pengerusi KAKIB
- Bacaan Doa
- Ucapan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan KAKIB Yang Ke-99
- Penyampaian Cenderahati Anggota Lama
2. Pelantikan Pengerusi Majlis Mesyuarat Agung Tahunan UUK 34(1).
 3. Ucapan Pengerusi Majlis Mesyuarat.

4. Melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf minit Mesyuarat Agung ini.
5. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-98 yang telah diadakan pada 30.06.2024 dari muka surat 18 - 35.
6. Menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan pandangan Ketua Pendaftar mengenai Akaun-Akaun Beraudit dan Laporan Lembaga Koperasi dari muka surat 36 - 56.
7. Menimbang dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 dari muka surat 58 - 105.
8. Meluluskan cadangan Pembahagian Keuntungan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 di muka surat 66.
9. Membenteng Dan Meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2025 untuk :-
 - 9.1 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad di muka surat 106 - 108.
 - 9.2 Unit Jualan KAKIB di muka surat 109.
 - 9.3 Ar Rahn KAKIB di muka surat 110.
 - 9.4 Ar Rahn KAKIB Cawangan Silibin di muka surat 111.
10. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd. - (KTTM) Pelancongan dan KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd. - (KTTM) KAKIB Wellnes bersama dengan laporan juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 dari muka surat 112 - 156.
11. Membenteng dan meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2026 untuk :-
 - 11.1 KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd.
12. Meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada firma audit berikut untuk mengaudit akaun-akaun tahun 2025.
 - 12.1 Tetuan Atarek Kamil Ibrahim & Co., No. 51, Tingkat 3, Wisma Jauhari, Lengkok Kledang Jaya, Taman Kledang Jaya, 30100 Ipoh, Perak.
 - 12.2 Tetuan Hisham & Co. (AF 1491), 5B-2, 2nd Level, Persiaran Greentown 5, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak.
 - 12.3 ARA Associates (SKM (A) 0477), 4, Persiaran Pengkalan Timur 26, Medan Pengkalan Impian 31650 Ipoh, Perak.
 - 12.4. Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
13. Cadangan Penutupan Subsidiari KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd.

14. Memberi kuasa kepada Lembaga Koperasi untuk menjalankan pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Puluh Juta.
15. Memberi kuasa kepada Lembaga Koperasi untuk had maksimum keterhutangan luar dari mana-mana punca tidak lebih dari Ringgit Malaysia Tiga Puluh Juta.
16. Mengisytiharkan keputusan Undian Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi.
17. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan yang suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat agung telah diberikan kepada Koperasi ini dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga mengikut Undang-undang Kecil 33 (1m).

Dengan Perintah Anggota Lembaga Koperasi.



AZIZUL BIN MANSUR

Setiausaha

Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB)

ETIKA MESYUARAT AGUNG

1. PERHIMPUNAN

Anggota-anggota hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang ditetapkan dalam Notis Mesyuarat.

2. BAHASA RASMI

Bahasa Rasmi bagi acara mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil.

4. AGENDA MESYUARAT

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

5. KORUM

Korum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil Koperasi dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

6. MINIT MESYUARAT AGUNG YANG LALU

Minit Mesyuarat Agung yang lalu akan diedarkan dan dibaca untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

7. SETIAUSAHA MESYUARAT

Setiausaha atau orang yang diarahkannya hendaklah mencatatkan perjalanan mesyuarat. Minit Mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

8. HAK-HAK ANGGOTA

Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

9. LAPORAN TAHUNAN

- 9.1 Laporan Tahunan mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor **“Telah diterima dan diluluskan”**.
- 9.2 Laporan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

10. TERTIB BERCAKAP

- 10.1 Anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila diberi keizinan oleh Pengerusi, beliau hendaklah berdiri dan mengajukan ucapannya kepada Pengerusi Mesyuarat.
- 10.2 Apabila lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi mesyuarat agung.
- 10.3 Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.
- 10.4 Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap, kecuali :-
 - a) Jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikeluarkan buat pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi untuk memutuskannya; atau
 - b) Jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan anggota yang hendak mencelah itu diberi keizinan oleh Pengerusi Mesyuarat.
- 10.5 Jika seseorang anggota mengganggu anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadap dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan

dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat.

- 10.6 Jika Pengerusi memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan lain-lain anggota tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

11. HAD MASA BERCAKAP

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi tiga (3) minit kecuali dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi dua (2) minit.

12. ISI-ISI UCAPAN

- 12.1 Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.
- 12.2 Perkara-perkara yang dalam timbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang.
- 12.3 Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.
- 12.4 Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadap dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap anggota lain.
- 12.5 Nama, kelakuan dan sifat Ke Bawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.
- 12.6 Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan :-
- perkataan-perkataan derhaka pada negeri;
 - perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan yang memerintah, dan
 - perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan di antara kaum dan agama di Malaysia.

- 12.7 Jika pada timbangan Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu atau memerintah supaya usul atau pindaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. **MENUTUP UCAPAN/PERBAHASAN**

Setelah sesuatu masalah dikemukakan kepada mesyuarat, seseorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta akan membawa kepada salah dari segi mana-mana peraturan, maka masalah itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincangkan (bahas) walaupun pembawa usul asal pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. **USUL (MOTION)**

- 14.1 Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.
- 14.2 Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.
- 14.3 Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha koperasi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat agung.
- 14.4 Seorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi tidak mengubah asa atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.
- 14.5 Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya telah dimasukkan dalam agenda, Pengerusi apabila sampai masanya, mengisytiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut itu telah ditarik balik dan tidak boleh dibahaskan lagi.

15. **CADANGAN DAN SOKONGAN**

- 15.1 Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.
- 15.2 Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. PINDAAN

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal. Yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

17. HAK MENJAWAB

17.1 Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat ia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.

17.2 Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada pembawa usul pindaan.

18. USUL TERGEMPAR

Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

19. PENGUNDIAN

19.1 Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi putus.

19.2 Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya sendiri.

20. ADAB ANGGOTA TIDAK BERCAKAP

Masa Mesyuarat sedang berjalan :-

20.1 Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa dirinya dalam dewan dengan tertib adab;

20.2 Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;

20.3 Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara yang dibahas; dan

20.4 Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

21. KUASA Pengerusi Mesyuarat dan Tertib dalam Mesyuarat

21.1 Bila anggota-anggota ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.

21.2 Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya etika mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbang semula.

21.3 Pengerusi setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat, boleh memerintahkan ia berhenti bercakap.

21.4 Pengerusi hendaklah memerintah mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.

21.5 Anggota yang diperintah keluar menurut 21(d) dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.

21.6 Sesuatu perkara yang berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan Pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (*substantive*), maka keputusan hendaklah dibuat cara pengundian.

21.7 Jika Mesyuarat Agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan Pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip '*natural justice*' hendaklah dipakai.

21.8 Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangkaan dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-98 KOPERASI ANGGOTA KERAJAAN IPOH BERHAD

Tarikh : **30 Jun 2024 (Ahad)**
Masa : **Jam 2.30 Petang**
Tempat : **Dewan Serbaguna Kolej Poly-Tech MARA Ipoh,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.**

A. UCAPAN ALUAN PENERUSI KAKIB

Yang Berusaha, Encik Mohd Hasrizad bin Zaman selaku Pengerusi Lembaga KAKIB mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran anggota-anggota ke Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) kali ke 98 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB).

Beliau merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah kerana dengan izin dan limpah kurniaNya telah diberikan kesempatan untuk bersama-sama pada kali ini iaitu 30 Jun 2024 masihi bersamaan 23 Zulhijjah 1445 hijrah bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota KAKIB untuk menilai prestasi, menimbang, memutuskan, dan meluluskan sebarang cadangan yang berkaitan dengan perancangan masa hadapan KAKIB khususnya dalam tempoh satu tahun yang akan datang ini.

Beliau juga memaklumkan bahawa barisan Anggota Lembaga bersama pihak pengurusan telah berusaha dengan gigihnya untuk melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan ini sepertimana kehendak di bawah Akta 39. (1) Akta Koperasi 1993 iaitu ***"Tiap-tiap koperasi hendaklah mengadakan mesyuarat agung tahunan anggota atau perwakilannya tidak lewat dari enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya"***.

Terlebih dahulu beliau mewakili barisan Anggota Lembaga dan seluruh warga KAKIB, telah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Encik Meor Mohammad Shariffuddin bin Meor Yahya, Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Perak di atas kesudian beliau menyempurnakan perasmian Mesyuarat Agung KAKIB kali ke 98 tahun 2024.

Untuk makluman ahli mesyuarat, di dalam situasi ekonomi dunia termasuk Malaysia yang sedang menghadapi kelembapan serta tidak menentu, KAKIB masih tetap teguh dalam melaksanakan aktiviti-aktivitinya. KAKIB masih mampu untuk bergerak terus dan berdaya saing di dalam perniagaan dengan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM7.3 juta bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2023 berbanding RM6.4 juta bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022 iaitu peningkatan hampir RM1 juta.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya kadar pengagihan keuntungan dalam bentuk dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 dinaikkan berbanding tahun

lalu. Untuk makluman ahli mesyuarat, KAKIB akan mengagihkan sebanyak 69% daripada keuntungannya kepada anggota KAKIB dan selebihnya akan diagihkan untuk tujuan tadbir urus koperasi.

Pencapaian ini jelas menunjukkan komitmen daripada barisan Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengurusan dan Kakitangan KAKIB yang penuh tanggungjawab untuk memperkemas organisasi dalam merangka, visi, misi, polisi dan halatuju KAKIB, di samping sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh seluruh anggota KAKIB.

Untuk makluman ahli mesyuarat, pendapatan daripada aktiviti utama KAKIB iaitu kredit telah menunjukkan peningkatan pada setiap tahun di samping perniagaan Ar Rahnu yang turut mencatatkan peningkatan pendapatan yang sangat memberangsangkan. Terima kasih diucapkan atas kepercayaan yang diberikan oleh anggota KAKIB dan diharapkan aktiviti ini akan terus menjana pendapatan yang akhirnya akan dikembalikan semula kepada para anggota melalui pelbagai faedah dan manfaat.

Bagi aktiviti pelancongan yang dijalankan melalui subsidiari KAKIB iaitu KTTM Sendirian Berhad pula, kes tersebut sedang dalam siasatan pihak berkuasa dan juga dalam proses tindakan perundangan maka tiada sebarang ulasan atau komen mengenainya pada masa ini.

KAKIB juga sentiasa menyumbang kepada kebajikan anggotanya. Sepanjang tahun 2023, Derma Pelajaran sebanyak RM49,650.00 telah disumbangkan kepada anak-anak anggota KAKIB yang layak menggunakan peruntukan dari Tabung Pendidikan dan Anak-anak Anggota. Bagi Kumpulan Wang Khairat Kematian Anggota pula, KAKIB telah menyumbangkan bantuan pengurusan jenazah kepada anggota/waris anggota yang telah meninggal dunia dengan sumbangan keseluruhan berjumlah RM129,500.00.

KAKIB juga akan berterusan membantu ke arah pembangunan dan keperluan Asnaf melalui pembayaran Zakat Perniagaan di mana sektor Koperasi diwajibkan untuk membayar zakat hasil daripada harta perniagaannya itu. Pada tahun 2023, KAKIB telah pun menunaikan kewajipannya dengan membayar Zakat Perniagaan bagi tahun kewangan 2022 berjumlah RM202,645.05. Pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) pula akan menyerahkan kembali sebanyak 25% daripada pembayaran zakat tersebut kepada KAKIB sebagai Wakallah bagi pihak MAIPk. KAKIB akan menyerahkan sendiri kepada Asnaf dan Asnaf Miskin. Semoga perniagaan yang diusahakan oleh KAKIB akan bertambah maju dan berkembang dengan lebih jayanya.

Atas daya usaha gigih keseluruhan warga KAKIB dan terutamanya daripada Anggota Lembaga serta pihak Pengurusan, KAKIB telah dinilai oleh pihak SKM antara Gerakan Koperasi yang berdaya maju dan berdaya saing di Malaysia dan telah mendapat kedudukan ke 35 dalam senarai Indeks 100 Koperasi Terbaik di Malaysia pada tahun 2023 berbanding di kedudukan yang ke 46 pada tahun 2022. Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua di atas peningkatan dalam pencapaian ini. Antara sebab KAKIB masih kekal berada dalam senarai tersebut adalah kerana KAKIB sentiasa mematuhi segala Akta Koperasi, Garis Panduan SKM, Aturan-aturan dan Undang-undang yang berkaitan dan juga sentiasa mengamalkan tadbir urus yang baik dan telus.

Selaras dengan usia KAKIB yang telah melangkaui usia 100 tahun, adalah menjadi hasrat KAKIB untuk terus mengukuhkan kedudukannya dari segala aspek terutamanya tadbir urus kewangan yang bersistematik dan penjaan pendapatan dengan keuntungan yang stabil pada

setiap tahun agar setiap keuntungan tersebut dapat dipulangkan kembali kepada anggota-anggota melalui pemberian pembiayaan, dividen atas yuran dan syer, faedah persaraan, derma pelajaran kepada anak-anak anggota, khairat kematian dan sebagainya.

Untuk makluman ahli mesyuarat juga, barisan Anggota Lembaga percaya kejayaan ini dicetuskan hasil daripada ramuan yang dicipta dan direka bersama-sama. Dengan iltizam, tekad serta usaha berterusan daripada warga KAKIB, visi dan misi ini pasti dapat dicapai. Harapan Anggota Lembaga amatlah tinggi agar penyampaian perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada anggota selain daripada memastikan koperasi ini ditadbir urus dengan baik dan telus.

Mengakhiri ucapan beliau, Tuan Pengerusi KAKIB telah memohon ampun dan maaf kepada seluruh anggota KAKIB sekiranya terdapat kekurangan dan kepingangan ketika berurusan dengan pihak KAKIB dan juga ketika mesyuarat ini berlangsung. Beliau menyeru kepada semua anggota KAKIB supaya menggunakan Mesyuarat Agung ini sebagai pentas rasmi untuk memberikan idea berkualiti dan komen yang membina.

Beliau juga mewakili seluruh warga KAKIB sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Encik Meor Mohammad Shariffuddin bin Meor Yahya, Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Perak di atas kesudian bersama-sama untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan KAKIB kali ke 98 pada hari ini.

B. PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA

AGENDA 1 – Pengundian Pemilihan Anggota Lembaga

- 1.1 Pengerusi KAKIB mengumumkan seramai tujuh (7) orang anggota KAKIB telah mengemukakan pencalonan bagi mengisi lima (5) kekosongan jawatan Anggota Lembaga.
- 1.2 Pemilihan Anggota Lembaga telah dilaksanakan secara undian bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson, Ipoh dan dipantau oleh Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dan pihak yang tidak berkepentingan iaitu Puan Norlida binti Dahalan bersama dengan dua puluh (20) orang pembantu.
- 1.3 Proses pengundian telah bermula pada jam 8.00 pagi dan tamat pada jam 12.00 tengah hari. Keputusan undian bagi anggota KAKIB yang dipilih akan diumumkan semasa perbincangan Agenda 16 di dalam Majlis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-98.

C. MAJLIS PERASMIAN

Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan ke 98 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Meor Mohammad Shariffuddin bin Meor Yahya, Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Perak.

Beliau mengucapkan salam dan memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniannya, beliau diberi kesempatan untuk bersama-sama

semua anggota KAKIB sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) KAKIB Kali Ke 98. Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan KAKIB kerana sudi menjemput beliau sebagai perasmi MAT KAKIB kali ini.

Beliau juga mengambil kesempatan ini bagi mewakili pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Perak untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Anggota Lembaga dan seluruh anggota koperasi kerana berjaya melaksanakan tanggungjawab dengan mengadakan mesyuarat agung dan seterusnya patuh kepada Akta 39. (1) Akta Koperasi 1993. Ini sebenarnya menunjukkan bahawa rekod-rekod kewangan telah diuruskan secara baik.

Beliau menegaskan bahawa MAT adalah kuasa tertinggi dalam perjalanan sesebuah koperasi. Melalui laporan-laporan yang dibentangkan di dalam MAT ini, anggota-anggota dapat mengetahui prestasi perniagaan koperasi. Koperasi adalah merupakan suatu wadah ekonomi yang unik dan istimewa dari segi falsafah dan matlamatnya.

Beliau juga memetik ucapan Pengerusi KAKIB berkenaan cadangan pemberian dividen atas modal syer dan juga dividen atas modal yuran pada tahun ini yang lebih tinggi berbanding tahun lepas. Peningkatan keuntungan KAKIB berbanding tahun sebelum yang berjumlah RM7.3 juta juga adalah merupakan pencapaian yang baik dan beliau mengucapkan tahniah kepada Anggota Lembaga dan anggota KAKIB keseluruhannya. Faktor kejayaan sesebuah koperasi bukan sahaja ditentukan oleh jumlah modal yang besar, tetapi adalah atas sokongan dan penglibatan anggota-anggota secara berterusan. Selain itu, faktor pengurusan yang cekap dan berkesan serta amalan integriti yang baik juga memainkan peranan yang penting dalam memajukan koperasi.

KAKIB yang ditubuhkan pada 27 Julai 1923 telah menyambut ulang tahunnya yang ke 100 pada tahun lepas, bermakna KAKIB juga telah berada di dalam gerakan koperasi selama 100 tahun. Untuk tempoh 100 tahun akan datang beliau menyeru supaya Anggota Lembaga dapat memikirkan apakah perniagaan dan aktiviti yang baru yang akan dapat menambah pendapatan KAKIB dan menjadikan KAKIB kekal relevan. Beliau juga mengingatkan tanggungjawab anggota KAKIB untuk terus menyokong setiap aktiviti KAKIB supaya dapat terus berkembang dan maju.

Sebelum mengakhiri ucapan, beliau merasakan keyakinan bahawa KAKIB akan terus memainkan peranan penting dalam kesejahteraan hidup dan ekonomi anggota-anggotanya berdasarkan tadbir urus dan amalan integriti yang baik. Sepertimana yang dimaklumkan sebelum ini, KAKIB telah berada di senarai 100 koperasi terbaik di Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan sentiasa menyokong segala usaha yang dilakukan dan akan dilaksanakan oleh KAKIB dalam memberikan perkhidmatan kepada anggota-anggotanya selaras dengan objektif penubuhan dan dalam masa yang sama dapat memberikan sumbangan yang berkesan untuk pembangunan negara.

Beliau juga mendoakan supaya mesyuarat agung pada hari ini akan berjalan lancar. Dengan lafaz Bismillah, beliau merasmikan Mesyuarat Agung KAKIB kali yang ke 98.

AGENDA 2 – Pelantikan Pengerusi Majlis Mesyuarat Agung - UUK 34 (1)

- 2.1 Pengacara Majlis, Encik Muhamad Farid bin Ibrahim (28550) mengucapkan salam dan berterima kasih kepada semua anggota KAKIB yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 98 ini. Beliau seterusnya mempersilakan kepada semua anggota yang hadir

untuk mencadangkan pelantikan Pengerusi mesyuarat dan Pencatat minit mesyuarat bersesuaian dengan Peraturan 3 dan 7 Etika Mesyuarat Agung.

Pengerusi Mesyuarat

Tuan Haji Razmi bin Hashim, PPT. (17406) mencadangkan supaya Encik Mohd Hasrizad bin Zaman (26660) untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini. Cadangan beliau telah disokong oleh Encik Sukumaren a/l Perisamy (20788). Mesyuarat bersetuju sebulat suara bagi pelantikan tersebut.

Setiausaha Mesyuarat

Encik Zulkimi bin Hussain (19387) mencadangkan Encik Azizul bin Mansur (21620) sebagai Setiausaha Mesyuarat bagi mencatat minit. Cadangan beliau telah disokong oleh Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Latib, PJK. (13576).

Encik Md. Yusof bin Ahmad (21652) mencadangkan supaya cadangan ditutup. Majlis Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 3 – Perutusan Pengerusi Majlis Mesyuarat Agung

- 3.1 Encik Mohd Hasrizad bin Zaman (26660) selaku Pengerusi Mesyuarat yang telah dilantik mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua anggota yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan ke 98 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB).
- 3.2 Pengerusi Mesyuarat mengingatkan kepada semua anggota yang hadir untuk mematuhi Etika Mesyuarat Agung seperti mana yang tertera pada muka surat 12 hingga 17 di Buku Laporan Tahunan. Beliau seterusnya berharap agar Mesyuarat Agung Tahunan ini dapat berjalan dengan lancar mengikut agenda-agenda yang telah ditetapkan.
- 3.3 Beliau memaklumkan bahawa pada mesyuarat agung kali ini, KAKIB telah memohon seorang pemerhati yang terdiri dari Pegawai dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak (SKM Perak) iaitu Encik Muhammad Akmal bin Ibrahim.
- 3.4 Seterusnya beliau juga mengumumkan jumlah anggota yang telah mendaftar untuk mesyuarat adalah seramai 3,284 anggota.

AGENDA 4 – Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada 6 (Enam) Anggota dan 4 (Empat) Anggota Lembaga Untuk Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 97

- 4.1 Encik Abdul Aziz bin Haji Osman (14707) mencadangkan supaya anggota KAKIB yang telah dilantik pada Mesyuarat Agung yang lalu dilantik semula sebagai Ahli Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 98 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) dengan syarat anggota berkenaan hadir dan berada di dalam mesyuarat pada hari ini. Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) menyokong cadangan tersebut. Pengerusi Mesyuarat telah menyemak kehadiran anggota tersebut :-

- | | | | | |
|-------|---|---------|---|-------------|
| 4.1.1 | Encik Md Yusuf bin Ahmad | (21652) | - | Hadir |
| 4.1.2 | Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Latib, PJK. | (13576) | - | Hadir |
| 4.1.3 | Encik Abdul Aziz bin Haji Osman | (14707) | - | Hadir |
| 4.1.4 | Tuan Haji Razmi bin Hashim, PPT. | (17406) | - | Hadir |
| 4.1.5 | Encik Suhaimi bin Ari | (15618) | - | Tidak Hadir |
| 4.1.6 | Encik Johari bin Baharom | (15183) | - | Hadir |
- 4.2 Terdapat seorang anggota yang tidak hadir iaitu Encik Suhaimi bin Ari (15618). Pengerusi Mesyuarat memohon cadangan bagi calon untuk menggantikan tempat Encik Suhaimi bin Ari (15618).
- 4.3 Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) mencadangkan supaya Encik Syahrudin @ Sahrom bin Abdul Hamid (28849) menggantikan tempat kosong tersebut. Cadangan tersebut disokong oleh Encik Zulkifli Faathir bin Mohamed Farouk (26402).
- 4.4 Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara melantik 6 (enam) anggota KAKIB seperti berikut :-
- | | | |
|-------|---|---------|
| 4.4.1 | Encik Md. Yusuf bin Ahmad | (21652) |
| 4.4.2 | Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Latib, PJK. | (13576) |
| 4.4.3 | Encik Abdul Aziz bin Haji Osman | (14707) |
| 4.4.4 | Tuan Haji Razmi bin Hashim, PPT. | (17406) |
| 4.4.5 | Encik Syahrudin @ Sahrom bin Abdul Hamid | (28849) |
| 4.4.6 | Encik Johari bin Baharom | (15183) |
- 4.5 Tuan Haji Razmi bin Hashim, PPT. (17406) mencadangkan empat (4) Anggota Lembaga untuk menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 98 dilantik di kalangan Anggota Lembaga dalam Mesyuarat Anggota Lembaga KAKIB kemudian nanti. Cadangan tersebut disokong oleh Encik Abdul Aziz bin Haji Osman (14707).

AGENDA 5 – Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 97 Yang Telah Diadakan Pada 30 Julai 2023

- 5.1 Encik Azizul bin Mansur (21620) selaku Setiausaha KAKIB membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 97 yang telah diadakan pada 30 Julai 2023 (Ahad) seperti di muka surat 18 hingga 33 Buku Laporan Tahunan untuk diterima dan diluluskan.
- 5.2 Encik Azwan bin Ismail (21104) membangkitkan berkenaan perkara di para 6.4 (muka surat 24) Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 97 yang tidak dijelaskan oleh Bendahari KAKIB secara terperinci samada secara lisan atau bertulis. Beliau memohon penjelasan dari Pengerusi Mesyuarat berkenaan hal tersebut.
- 5.3 Tuan Pengerusi menjawab dengan merujuk kepada Perkara Enam (6) Etika Mesyuarat Agung yang menyatakan bahawa "*Minit Mesyuarat Agung yang lalu akan diedarkan dan dibaca untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan*". Sehubungan itu sebarang perbincangan melainkan pembetulan adalah tidak dibenarkan.

- 5.4 Walau bagaimanapun, Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa perbelanjaan tersebut merupakan perkara tadbir urus dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung yang lalu. Perbelanjaan tersebut juga menggunakan peruntukan dari tabungan dan tidak melibatkan dan menjejaskan Akaun Untung Rugi bagi tahun semasa KAKIB.
- 5.5 Encik Zulkimi bin Hussain (19387) mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 97 yang telah diadakan pada 30 Julai 2023 diterima dan disahkan.
- 5.6 Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Latib, PJK. (13576) menyokong Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 97 ini diluluskan.

AGENDA 6 – Menimbang Laporan-Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Ketua Pendaftar Mengenai Akaun-Akaun Beraudit dan Laporan Lembaga Koperasi

- 6.1 Encik Azizul bin Mansur (26120) selaku Setiausaha KAKIB membentangkan Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dan Pandangan Ketua Pendaftar mengenai akaun-akaun beraudit dan Laporan Lembaga Koperasi seperti di muka surat 34 hingga 53 Buku Laporan Tahunan untuk diterima dan diluluskan.
- 6.2 Encik Nirwan bin Oksa (30138) mencadangkan agar laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dan pandangan Ketua Pendaftar mengenai akaun-akaun beraudit dan laporan Lembaga Koperasi seperti di muka surat 34 hingga 52 diterima dan disahkan.
- 6.3 Encik Johari bin Baharom (15183) menyokong cadangan tersebut.

AGENDA 7 – Menimbang dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit Bersama Dengan Laporan Juruaudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

- 7.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan akaun-akaun teraudit bersama dengan laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 dari muka surat 56 hingga 102.
- 7.2 Bendahari KAKIB mencadangkan bahawa Dividen Atas Syer diberikan sebanyak 8% dengan jumlah bayaran keseluruhan sebanyak RM203,265.98. Manakala cadangan Dividen Atas Yuran Simpanan pula dicadangkan sebanyak 6.5% dengan bayaran keseluruhan berjumlah RM4,887,752.85 iaitu peningkatan dari kadar dividen tahun lepas sebanyak 6.1%.
- 7.3 Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) memaklumkan kepada mesyuarat bahawa beliau ada membawa usul untuk menaikkan kadar dividen atas yuran bagi tahun 2023 dan inginkan kepastian samada akan dibincangkan sekarang atau di Agenda Usul nanti. Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa perkara tersebut akan dibincangkan semasa Agenda Usul nanti.
- 7.4 Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) seterusnya mengajak mesyuarat untuk merujuk muka surat 61, Kunci Kira-Kira di bawah perkara “Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori” yang mana terdapat perbezaan amaun berbanding tahun 2022. Perbezaan sebanyak RM599,093.10 adalah kerana aset tersebut telah dicairkan dalam tahun 2023. Beliau memohon penjelasan dari Bendahari KAKIB.

- 7.5 Bendahari KAKIB menjelaskan bahawa kecairan tersebut digunakan bagi menampung modal di kedua-dua Ar Rahnu KAKIB.
- 7.6 Walau bagaimanapun, Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) tidak berpuashati dengan jawapan tersebut dan memohon penjelasan lanjut dari Bendahari KAKIB.
- 7.7 Bendahari KAKIB memohon agar Juruaudit luar iaitu ARA Associates untuk memberikan penerangan berkenaan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Perkara ini telah dibantah oleh Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) kerana pihak luar tidak layak untuk bersuara di mesyuarat agung ini. Beliau mohon perkara ini dirujuk kepada Encik Muhammad Akmal bin Ibrahim selaku pemerhati dari SKM Perak.
- 7.8 Encik Muhammad Akmal bin Ibrahim memberi penjelasan bahawa hanya anggota yang menyelesaikan modal syer yang penuh sahaja yang layak menghadiri mesyuarat agung. Walau bagaimanapun kehadiran Juruaudit luar iaitu ARA Associates adalah atas jemputan rasmi dari pihak KAKIB dan untuk memberi penerangan di dalam mesyuarat agung pula adalah tertakluk kepada budi bicara Pengerusi Mesyuarat dan atas mandat anggota-anggota.
- 7.9 Pengerusi Mesyuarat memberikan penjelasan sekali lagi bahawa aset-aset atau pun simpanan tetap tersebut dicairkan bagi digunakan untuk membayar dividen bagi syer dan yuran, modal pusingan aktiviti Ar Rahnu dan juga sebahagian besarnya adalah untuk modal pusingan bagi aktiviti Pembiayaan KAKIB.
- 7.10 Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) bersetuju dengan penjelasan tersebut dan berharap agar selepas ini Bendahari KAKIB dapat menjawab segala pertanyaan yang dibangkitkan berkenaan urusan akaun KAKIB.
- 7.11 Encik Azwan bin Ismail (21104) pula membangkitkan berkenaan perbelanjaan untuk penganjuran Karnival 100 Tahun KAKIB yang tidak dimasukkan ke dalam laporan perbelanjaan tahun 2023. Beliau memohon penjelasan dari Bendahari KAKIB.
- 7.12 Bendahari KAKIB memaklumkan bahawa perbelanjaan bagi penganjuran Karnival 100 Tahun adalah berjumlah RM352,181.00 yang merupakan perbelanjaan dari tabungan (Tabung Faedah Bersama) dan juga sumbangan penaja yang mana ia tidak melibatkan Akaun Untung Rugi KAKIB bagi tahun 2023 dan tidak perlu dilaporkan di dalam penyata kewangan tersebut.
- 7.13 Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) sekali lagi memohon kebenaran untuk membangkitkan berkenaan perbelanjaan dari Tabung Jasa Perkhidmatan Anggota iaitu di muka surat 65. Terdapat perbelanjaan sebanyak RM74,880.00 yang telah dibuat dalam tahun 2023. Beliau memohon penjelasan.
- 7.14 Pengerusi Mesyuarat menjelaskan bahawa perbelanjaan tersebut dibuat bagi perolehan cenderamata khas kepada anggota sempena Sambutan 100 Tahun KAKIB iaitu berupa termos 100 Tahun KAKIB.
- 7.15 Encik Azwan bin Ismail (21104) mencadangkan supaya mesyuarat menerima dan meluluskan Akaun-Akaun Teraudit Bersama Dengan Laporan Juruaudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 dengan syarat pindaan semasa Agenda Usul nanti. Encik Zulkifli Faathir bin Mohamed Farouk (26402) menyokong agar agenda ini diterima dan diluluskan.

AGENDA 8 – Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023

- 8.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan cadangan Pembahagian Keuntungan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 seperti di muka surat 63 untuk diterima dan diluluskan.
- 8.2 Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) memohon supaya kadar dividen atas yuran yang dicadangkan sebanyak 6.5% dinaikkan ke 7.5% dan beliau mohon cadangan tersebut dibincangkan.
- 8.3 Bendahari KAKIB memaklumkan kepada mesyuarat bahawa kadar 6.5% yang dicadangkan tersebut merupakan kadar maksimum yang boleh diberikan. Ini merupakan kadar yang telah dicadangkan oleh pihak Juruaudit luar iaitu ARA Associates setelah mengambilkira caruman dan pembahagian yang wajib dibuat.
- 8.4 Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) mengajak anggota mesyuarat untuk menyemak muka surat 63 di bawah perkara Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-Bahagikan, terdapat sebanyak RM815,466.46 yang tidak digunakan. Beliau menegaskan bahawa cadangan untuk kenaikan 1% itu adalah berasas.
- 8.5 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa cadangan kadar dividen tersebut dibuat dengan merujuk kepada GP22 iaitu berkenaan Rizab Masa Hadapan di mana telah dinyatakan bahawa *“Koperasi perlu memindahkan sekurang-kurangnya 10% daripada baki keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun dan lain-lain pembahagian sebagai rizab bagi tujuan keperluan perniagaan dan aktiviti masa hadapan”*.
- 8.6 Rizab Masa Hadapan ataupun lebih keuntungan yang disimpan ini diperlukan bagi menampung perbelanjaan aktiviti Ar Rahn yang sangat memerlukan pusingan modal dalam bentuk tunai yang sangat besar seiring dengan kemajuan aktiviti tersebut.
- 8.7 Pengerusi Mesyuarat juga menjelaskan bahawa dari keuntungan bersih sebanyak RM7,389,063.29, sebanyak 13% telah diperuntukkan untuk Pembahagian Berkanun, Lain-lain Pembahagian sebanyak 8%, Rizab Masa Hadapan sebanyak 10% dan jumlah pembahagian terbesar iaitu sebanyak 69% bersamaan dengan RM5,091,018.83 dipulangkan semula kepada anggota sebagai Dividen Atas Syer dan juga Yuran.
- 8.8 Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor (27089) menolak penjelasan Pengerusi Mesyuarat dan mencadangkan supaya dibuat Undi Belah Bahagi bagi memutuskan cadangan kadar pemberian Dividen Atas Yuran dinaikkan ke 7.5%.
- 8.9 Pengerusi Mesyuarat bagaimanapun menolak cadangan Undi Belah Bahagi kerana atas dasar tanggungjawab kepada KAKIB dan anggotanya. Kadar 6.5% yang dicadangkan tersebut telah mengambilkira kemampuan KAKIB secara keseluruhannya.
- 8.10 Encik Muhammad Akmal bin Ibrahim memohon kebenaran Pengerusi Mesyuarat untuk mencelah dan memberikan pencerahan atas isu tersebut. Beliau percaya bahawa Juruaudit telah membuat kiraan yang sewajarnya dan telah mengambilkira Garis Panduan dan Akta yang berkaitan sebelum memutuskan cadangan kadar yang paling maksimum iaitu 6.5%.

- 8.11 Encik Sukumaren a/l Perisamy (20788) menyeru supaya semua anggota KAKIB bersyukur kerana kadar yang dicadangkan merupakan suatu peningkatan berbanding tahun lepas. Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya mesyuarat menerima dan meluluskan agenda 8, cadangan pembahagian keuntungan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
- 8.12 Encik Johari bin Baharom (15183) menyokong agar agenda ini diterima dan diluluskan.

AGENDA 9 – Membenteng dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2025 Untuk:-

- a) Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad di muka surat 103-105**
 - b) Unit Jualan KAKIB di muka surat 106**
 - c) Ar Rahnu KAKIB di muka surat 107**
 - d) Ar Rahnu KAKIB Cawangan Silibin di muka surat 108**
-

- 9.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentengkan anggaran Belanjawan bagi tahun 2025 untuk Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad di muka surat 103-105, Unit Jualan KAKIB di muka surat 106, Ar Rahnu KAKIB di muka surat 107 dan Ar Rahnu KAKIB Cawangan Silibin di muka surat 108.
- 9.2 Tuan Haji Razmi bin Hashim, PPT. (17406) mencadangkan supaya Agenda 9 ini diterima dan disahkan.
- 9.3 Cadangan ini telah disokong oleh Encik Md. Yusof bin Ahmad (21652).

AGENDA 10 – Menimbang dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd. - (KTTM) Pelancongan dan KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd. - (KTTM) KAKIB Wellness Bersama Laporan Juruaudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023 Dari Muka Surat 109-152

- 10.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentengkan Akaun-Akaun Teraudit KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd. - (KTTM) Pelancongan dan KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd. - (KTTM) KAKIB Wellness bersama laporan juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 dari muka surat 109-152.
- 10.2 Encik Azwan bin Ismail (21104) memohon penjelasan diberikan oleh Ahli Lembaga Pengarah KTTM berkenaan perkembangan terkini perniagaan KAKIB Wellness dan KTTM Pelancongan serta beliau juga memohon penjelasan berkenaan Kos Pengangkutan sebanyak RM28,490.00 seperti di muka surat 150.
- 10.3 Encik Muhamad Farid bin Ibrahim (28550) yang merupakan Pengerusi KTTM memberikan penjelasan berkenaan status terkini KTTM Pelancongan. Perniagaan Pelancongan baru sahaja dijalankan kembali setelah digantung sementara kerana sektor pelancongan yang terjejas teruk akibat Pandemik Covid 19 dan juga masalah urus tadbir pengurusan terdahulu. Bagi rancangan perniagaan masa depan, KTTM telah membuat MOU bersama Righteous Travel Tours Sendirian Berhad. Melalui kerjasama ini KTTM akan menawarkan pakej-pakej pelancongan yang menarik kepada anggota KAKIB. Kemudahan pembiayaan juga akan disediakan kepada anggota yang ingin melancong bersama KTTM.

- 10.4 Untuk perniagaan KAKIB Wellness pula, Encik Muhamad Farid bin Ibrahim (28550) menjelaskan bahawa terdapat pelbagai masalah semasa berada di bawah rangkaian farmasi ANGKASA. Kesukaran untuk mendapatkan Pegawai Farmasi juga menjadikan perniagaan farmasi menghadapi kesukaran. Sehubungan itu, KTTM mengambil keputusan supaya hanya barangan penjagaan kesihatan sahaja yang dijual dan perniagaan Farmasi KAKIB ditukar ke KAKIB Wellness. Kos perniagaan yang tinggi dan tidak setanding dengan pendapatan menjadikan perniagaan ini sentiasa dalam kerugian.
- 10.5 Bagi rancangan perniagaan KAKIB Wellness seterusnya, KTTM telah memindahkan operasi ke lot kedai di Aras G, Bangunan KAKIB dan juga menjalinkan bekerjasama dengan IUU Farmasi. Kos operasi juga telah dikurangkan dengan pengurangan pekerja KTTM. Encik Muhamad Farid bin Ibrahim (28550) juga berharap anggota KAKIB akan terus menyokong aktiviti di KTTM.
- 10.6 Encik Mohd Huzaifah bin Ismadi (28528) memberikan penjelasan berkenaan Kos Pengangkutan sebanyak RM28,490.00 tersebut. Kos tersebut merupakan bayaran balik bagi Pakej Pelancongan yang tidak dapat dijalankan.
- 10.7 Encik Azwan bin Ismail (21104) menerima penjelasan tersebut, walau bagaimanapun beliau berpendapat bahawa adalah sesuatu yang merugikan sekiranya tiada perniagaan yang dijalankan di atas nama KAKIB walaupun sudah berusia lebih 100 tahun.
- 10.8 Encik Mohamad Sairul Hizam bin Muhamad Nazri (27800) mencadangkan supaya Agenda 10 ini diterima dan disahkan. Cadangan ini telah disokong oleh Tuan Syed Ahmad Fairuz bin Ahmad Mazli (28500).

AGENDA 11 – Membenteng dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2025 Untuk KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd. – (KTTM) Pelancongan dan KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd. – KAKIB Wellness

- 11.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan anggaran Belanjawan bagi tahun 2025 untuk KAKIB Travel & Tours Management Sdn. Bhd. KAKIB Wellness.
- 11.2 Encik Mohamad Sairul Hizam bin Muhamad Nazri (27800) mencadangkan agar Agenda 11 ini diterima serta diluluskan. Cadangan ini telah disokong oleh Tuan Syed Ahmad Fairuz bin Ahmad Mazli (28500).

AGENDA 12 – Meluluskan Pelantikan Satu Panel Yang Terdiri Daripada Firma Audit Berikut Untuk Mengaudit Akaun-Akaun Tahun 2024

- 12.1 Pengerusi telah membentangkan empat (4) buah firma audit untuk dilantik bagi mengaudit akaun-akaun Tahun 2023 seperti berikut :-
- 12.1.1 Tetuan Atarek Kamil Ibrahim & Co., No. 51, Tingkat 3, Wisma Jauhari, Lengkok Kledang Jaya, Taman Kledang Jaya, 30100, Ipoh, Perak.
- 12.1.2 Tetuan Hisham & Co. (AF 1491), 5B-2, 2nd Level, Persiaran Greentown 5, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak.

12.1.3 ARA Associates (SKM (A) 0477), 4, Persiaran Pengkalan Timur 26, Medan Pengkalan Impian 31650 Ipoh, Perak.

12.1.4 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

12.2 Tuan Haji Razmi bin Hashim, PPT. (17406) mencadangkan pelantikan satu panel Firma Audit untuk mengaudit akaun-akaun KAKIB bagi tahun 2024 dibuat atas budi bicara barisan Lembaga Koperasi dan disokong oleh Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Latib, PJK. (13576).

AGENDA 13 – Cadangan Pindaan Aturan Khairat Kematian Anggota

13.1 Pengerusi Mesyuarat telah membentangkan Cadangan Pindaan Aturan Khairat Kematian Anggota seperti di muka surat 156 untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan.

13.2 Mesyuarat bersetuju meluluskan aturan tersebut dengan sebulat suara.

AGENDA 14 – Memberi Kuasa Kepada Lembaga Koperasi Untuk Menjalankan Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan Koperasi Tidak Melebihi Ringgit Malaysia Tiga Puluh Juta (RM30 Juta)

14.1 Mesyuarat bersetuju meluluskan agenda 14 dengan sebulat suara.

AGENDA 15 – Memberi Kuasa Kepada Lembaga Koperasi Untuk Had Maksimum Keterhutangan Luar Dari Mana-mana Punca Tidak Melebihi Ringgit Malaysia Tiga Puluh Juta (RM30 Juta)

15.1 Mesyuarat bersetuju meluluskan agenda 15 dengan sebulat suara.

AGENDA 16 – Mengisytiharkan keputusan Undian Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi

16.1 Pengerusi Mesyuarat menyerahkan kepada Encik Muhamad Farid bin Ibrahim (28550) selaku Setiausaha Jawatankuasa Pencalonan untuk mengumumkan keputusan undian:-

Bil.	Nama Anggota	No. Anggota	Undian
1.	Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly	19985	2911
2.	Encik Azizul bin Mansur	26120	2654
3.	Encik Mohd Shafri bin Sulaiman	23756	2558
4.	Encik Mohamad Norazlee bin Mohd Radzi	29329	2129
5.	Encik Zarawi bin Zainudin	27173	2154
6.	Encik Anuar Sayuti bin Che Ab Kadir	28878	2399
7.	Encik Mohd Nazri bin Mat Ail	25186	2382

16.2 Jumlah undi yang rosak pula adalah sebanyak 193 undi.

16.3 Lima (5) Anggota dengan undian tertinggi telah berjaya untuk menjadi Anggota Lembaga KAKIB iaitu :-

Bil.	Nama Anggota	No. Anggota	Undian
1.	Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly	19985	2911
2.	Encik Azizul bin Mansur	26120	2654
3.	Encik Mohd Shafri bin Sulaiman	23756	2558
4.	Encik Anuar Sayuti bin Che Ab Kadir	28878	2399
5.	Encik Mohd Nazri bin Mat Ail	25186	2382

AGENDA 17 – Mendengar dan Memutuskan Apa-Apa Aduan Yang Suatu Notis Tidak Kurang Daripada Tujuh Hari Sebelum Mesyuarat Agung Telah Diberikan Kepada Koperasi Ini Dikemukakan Oleh Anggota Yang Terkilan Dengan Sesuatu Keputusan Lembaga Mengikut Undang-undang Kecil 33(1m)

17.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat telah membentangkan usul yang telah diterima daripada anggota seperti berikut :-

Bil.	Nama	Tarikh Usul Diterima	Usul Yang Ingin Dibawa	Ulasan
1.	Khairul Anuar bin Mohd Nor (27089)	21.06.2024	1. Usul pemberian dividen yang dicadangkan untuk MAT KAKIB Kali Ke-98 ini dinaikkan dari 6.5% kepada 7.5% berdasarkan kepada keuntungan tahunan koperasi yang mampu untuk memberikan pulangan yang lebih baik kepada anggota KAKIB.	Menurut pandangan juruaudit bertauliah ARA Associates, cadangan pemberian Dividen Atas Yuran yang dicadangkan sebanyak 6.5% adalah jumlah yang paling maksimum yang dapat diberikan kepada anggota berdasarkan keuntungan tahun semasa.
			2. Yuran Syer Anggota sedia ada berjumlah RM200.00 hingga RM3,000.00 , dicadangkan agar Yuran Syer Anggota ini dinaikkan kepada maksimum RM10,000.00 . Perkara ini tidak memerlukan pindaan UUK 55 (1) , cukup dicadang/usul,	Pada masa ini, KAKIB mampu memberikan kadar faedah sebanyak 8% atas modal syer kerana Yuran Syer ini dikawal dan dihadkan. Sekiranya Yuran Syer ini dinaikkan, nescaya akan menambahkan beban kepada koperasi dan pastinya kadar dividen atas

Bil.	Nama	Tarikh Usul Diterima	Usul Yang Ingin Dibawa	Ulaskan
			<p>dibincangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang merupakan kuasa tertinggi pemutus Keputusan di dalam Koperasi.</p>	<p>Yuran Syer akan menurun dan lebih rendah lagi dari yang dinikmati sekarang.</p> <p>ALK juga berpendapat kenaikan kadar Yuran Syer anggota ini tidak akan memberikan manfaat kepada keseluruhan anggota tetapi hanya akan memberikan keuntungan kepada anggota yang berkemampuan sahaja.</p> <p>Menurut UUK para 42(vii)</p> <p>Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut :-</p> <p>vii. permohonan menambah atau mengurangkan caruman syer atau yuran.</p>
			<p>3. Pemberian Derma Pelajaran secara One-Off kepada anak anggota yang ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda (IPTA/ IPTS) sejumlah RM500.00. (Usul MAT ke 97 tetapi masih tiada Keputusan dari pihak Koperasi dalam hal ini).</p>	<p>Buat masa ini ALK berpendapat bahawa Aturan-Aturan Derma Pelajaran yang sedia ada masih relevan untuk digunakan.</p> <p>Menurut Aturan yang telah diluluskan, tujuan Derma Pelajaran adalah "untuk membantu anggota-anggota yang kurang mampu bagi membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak yang maju dalam pelajaran dan disebabkan oleh pendapatan mereka yang kecil dan mempunyai tanggungan bagi pelajaran anak-anak mereka".</p>

Bil.	Nama	Tarikh Usul Diterima	Usul Yang Ingin Dibawa	Ulaskan
			<p>4. Bagi menghargai anggota KAKIB yang bersara dari perkhidmatan kerana telah cukup tempoh bersara wajib ataupun bersara pilihan ataupun kerana perakuan doktor (<i>medical board</i>), dicadangkan agar menaikkan jumlah saguhati anggota bersara daripada RM750.00 kepada RM1,000.00 tanpa syarat. (Usul MAT ke 97 tetapi masih tiada Keputusan dari pihak Koperasi dalam hal ini.</p>	<p>Menurut Aturan-Aturan Tabung Saguhati Kepada Anggota Yang Bersara :-</p> <p>para.3 Saguhati diberi sebagai tanda penghargaan kepada anggota-anggota yang bersara daripada jawatan anggota apabila cukup umur 58 tahun atau bersara pilihan sendiri (<i>option</i>) atau kerana perakuan doktor (<i>Medical Board</i>).</p> <p>para.8 Kelayakan untuk menerima saguhati ialah :-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Sudah menjadi anggota koperasi ini sekurang-kurangnya 10 tahun secara berterusan; ii. Anggota itu tiada baki hutang atau tanggungan lain pada hari bersara. <p>Cadangan pemberian Saguhati Anggota Bersara tanpa syarat akan menjejaskan agihan keuntungan (dividen) kepada anggota kerana perlu memperuntukan sebahagian jumlah yang besar daripada keuntungan ke dalam tabung tersebut.</p>











Bil.	Nama	Tarikh Usul Diterima	Usul Yang Ingin Dibawa	Ulasan
			<p>5. Cadangan pemberian pembayaran faedah penamatan insurans yang telah matang, dikreditkan terus ke akaun pencarum/ anggota tanpa perlu diselaraskan ke atas hutang anggota KAKIB. Hal ini dipohon kerana terdapat permohonan yang diluluskan oleh pihak Koperasi tanpa diselaraskan ke atas hutang anggota.</p>	<p>Untuk makluman anggota, faedah penamatan insurans yang telah matang perlu diselaraskan dahulu dengan baki pembiayaan anggota. Sekiranya faedah tersebut mempunyai baki, maka bayaran akan dibuat kepada anggota/waris.</p> <p>Walau bagaimanapun, terdapat juga anggota-anggota yang diluluskan bayaran faedah penamatan insurans yang telah matang atas sebab-sebab berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Anggota sudah tidak mempunyai baki pembiayaan; ii. Jumlah yuran simpanan melebihi baki pembiayaan; dan iii. Anggota masih dalam perkhidmatan dan potongan bayaran balik akan selesai sebelum tarikh bersara.
			<p>6. Cadangan sumbangan kepada anggota KAKIB yang ditimpa musibah ataupun bencana alam sebanyak RM1,000.00 melalui permohonan bertulis kepada pejabat KAKIB serta kelulusan Mesyuarat Anggota Lembaga. (Usul MAT ke 97 tetapi masih tiada Keputusan dari pihak Koperasi dalam hal ini.</p>	<p>Buat masa ini, tiada terdapat sebarang tabungan atau aturan berkaitan Sumbangan Musibah dan Bencana Alam.</p> <p>Jika cadangan ini dilaksanakan, perlu diwujudkan Aturan-Aturan dan Tabung Khas serta akan menjejaskan agihan keuntungan (dividen) kepada anggota kerana perlu memperuntukan sebahagian jumlah yang besar daripada keuntungan ke dalam tabung tersebut.</p>

Bil.	Nama	Tarikh Usul Diterima	Usul Yang Ingin Dibawa	Ulasan
			7. Mohon penjelasan berkaitan status pengoperasian terkini bagi KAKIB Wellness serta KAKIB Travel & Tours Management (KTTM).	Jawapan secara lisan oleh Pengerusi KTTM Sdn. Bhd. telah diberikan semasa Agenda ke 10.
2.	Mohd Faizul Afendi bin Zon Bakri (26546)	21.06.2024	<p>Pindaan Para 8 Aturan-aturan Kumpulan Wang Khairat Kematian.</p> <p>Para 8 - Kadar Bayaran dan Kelayakan</p> <p>Kumpulan Wang ini hendaklah digunakan mengikut ketetapan oleh Lembaga untuk membayar bantuan khairat kerana :-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. RM2,500.00 kepada penama atau waris yang sah sekiranya yang meninggal dunia anggota koperasi. ii. RM1,500.00 atas kematian suami/isteri anggota. iii. RM1,000.00 atas kematian ibu/bapa anggota iv. RM1,000.00 atas kematian seorang anak yang berumur diantara dua minggu hingga 18 tahun. v. Hanya satu bayaran Khairat Kematian untuk satu kematian. vi. Semua permohonan Khairat Kematian hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam bulan selepas kematian dengan menggunakan borang yang disediakan oleh koperasi disertai Salinan sijil kematian dan lain-lain bukti yang ditentukan oleh Lembaga. 	<p>Pada masa ini cadangan kenaikan kadar bayaran Khairat Kematian hanyalah melibatkan kematian anggota sahaja sesuai dengan kadar caruman anggota iaitu sebanyak RM16 setahun. Jika semua kadar hendak dinaikkan, maka kadar caruman juga perlu dinaikkan seiring dengan kenaikan kadar bayaran tersebut. Sebagai contoh peningkatan dari RM16.00 ke RM50.00 setahun.</p> <p>ALK dari semasa ke semasa memikirkan kebajikan para anggota selaras dengan kemampuan kewangan koperasi.</p>

D. PENUTUP

Pengerusi Mesyuarat memohon maaf sekiranya terdapat apa-apa kesilapan yang dilakukan semasa mengendalikan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 98 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) pada kali ini dan beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua anggota KAKIB yang kekal berada di dewan ini sepanjang mesyuarat berlangsung. Beliau menandatangani mesyuarat pada jam 6.00 petang.

Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 98 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) yang telah diadakan pada 30 Jun 2024 telah ditentukan pada 26 Julai 2024 oleh Jawatankuasa berikut :-

1. Encik Mohd Hasrizad bin Zaman (26660)	Pengerusi	
2. Encik Azizul bin Mansur (26120)	Pencatat Minit	
3. Encik Muhamad Farid bin Ibrahim (28550)	ALK	
4. Encik Mohd Shafri bin Sulaiman (23756)	ALK	
5. Tuan Haji Jamal bin Abdul Moin (20276)	ALK	
6. Encik Md Yusuf bin Ahmad (21652)	Anggota	
7. Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Latib, PJK. (13576)	Anggota	
8. Encik Abdul Aziz bin Haji Osman (14707)	Anggota	__ Tidak hadir __
9. Tuan Haji Razmi bin Hashim, PPT. (17406)	Anggota	
10. Encik Syahrudin @ Sahrom bin Abdul Hamid (28849)	Anggota	
11. Encik Johari bin Baharom (15183)	Anggota	

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KIRA-KIRA YANG BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2024

Anggota Lembaga, Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) dengan ini membentangkan Laporan Tahunan berserta dengan Penyata Kira-Kira yang telah diaudit berakhir pada 31 Disember 2024 dan segala perakuan-perakuan kepada Majlis Mesyuarat Agung Tahunan KAKIB kali ke-99.

1. PENGURUSAN KOPERASI

1.1 Anggota Lembaga

Koperasi ini ditadbir urus oleh lima belas (15) orang Anggota Lembaga yang telah dipilih oleh anggota KAKIB melalui Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) KAKIB. Bagi melaksanakan tanggungjawab mereka, tujuh (7) Jawatankuasa Kecil (JK) yang diwujudkan dan telah mengadakan mesyuarat seperti berikut :-

1.1.1	Mesyuarat Anggota Lembaga	-	12 kali
1.1.2	Mesyuarat Khas Anggota Lembaga	-	10 kali
1.1.3	Jawatankuasa Kecil Pembiayaan	-	12 kali
1.1.4	Jawatankuasa Kecil Pentadbiran dan Pengurusan	-	3 kali
1.1.5	Jawatankuasa Kecil Pendidikan	-	4 kali
1.1.6	Jawatankuasa Kecil Ekonomi	-	2 kali
1.1.7	Jawatankuasa Kecil Pencalonan	-	2 kali

1.2 Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

Seramai empat (4) orang anggota telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD). Mereka telah memeriksa dokumen-dokumen kewangan, membuat auditan berkala, semakan stok serta membuat pemeriksaan aset KAKIB dan juga subsidiarinya. JAD juga telah mengadakan sebanyak dua (2) kali mesyuarat bagi tempoh Januari hingga Disember 2024.

1.3 Pekerja KAKIB dan Subsidiari

Keseluruhan Pekerja KAKIB dan Subsidiari dalam tahun 2024 adalah seramai 23 orang.

Nama Jawatan	Bilangan Jawatan
Pengurus	1
Pegawai Sistem Maklumat	1
Penolong Akauntan	1
Ketua Pembantu Tadbir	1
Penyelia Ar Rahnu	0

Nama Jawatan	Bilangan Jawatan
Penaksir Ar Rahn	4
Pembantu Tadbir	6
Pembantu Pejabat	2
Pembantu Keselamatan	4
Pekerja Sambilan Harian	1
Penyelia Farmasi	1
Pembantu Kedai	1
Jumlah	23

2. KEANGGOTAAN KOPERASI TAHUN 2024

2.1	Bilangan anggota pada 01.01.2024	6,504
	<u>Tambah</u> Bilangan diterima masuk menjadi anggota tahun 2024	160
	<u>Tolak</u> Bilangan anggota berhenti Bilangan anggota meninggal dunia	239 19
	Jumlah anggota pada 31.12.2024	6,406

3. AKTIVITI KOPERASI

3.1	Modal Anggota	2024 (RM)	2023 (RM)
	Yuran Simpanan	79,813,009.17	79,250,722.48
	Modal Syer	2,770,046.67	2,683,974.72
	Simpanan Khas Anggota	2,524,112.54	2,542,187.90

3.2	Faedah Anggota	2024 (RM)	2023 (RM)
	Pembiayaan Anggota	99,991,892.10	96,282,411.96
	Keuntungan Bersih Sebelum Cukai	7,738,711.40	7,389,063.29
	Dividen Atas Yuran Dan Syer Yang dicadangkan	5,186,251.76	5,091,018.83

3.3 Takaful Berkelompok Sun Life Assurance Malaysia Berhad, MCIS Zurich, Etiqa Takaful dan Takaful Ikhlas Family

Syarikat Takaful	Tahun	Bil Anggota	Caruman (RM)	Komisen (RM)	Pampasan (RM)
Sun Life	2024	1,653	395,860.50	24,645.02	684,591.24
	2023	1,830	434,852.00	21,742.85	654,648.50
MCIS Zurich	2024	12	1,921.85	101.15	33,842.03
	2023	16	2,726.50	143.50	60,378.38
Etiqa Takaful	2024	2,628	362,979.00	40,331.00	117,372.69
	2023	2,712	428,595.00	42,859.00	232,765.70
Takaful Ikhlas Family	2024	82	6,330.00	451.00	0.00

3.4 Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori

Tahun	Pelaburan Am Al Mudharabah (RM)	Saham Tak Siar Harga (RM)	Saham Siar Harga (RM)
2024	3,349,392.26	448,951.46	8,637.74
2023	5,278,745.01	456,509.00	13,232.74

3.5 Unit Jualan KAKIB

Butiran	2024 (RM)	2023 (RM)
Jualan	842,813.258	571,600.17
Belian	873,622.00	531,970.00
Keuntungan	30,808.72	38,174.12

3.6 Tabung Pendidikan Anak-Anak Anggota

Derma Pelajaran Tahun 2024 (Berdasarkan Keputusan Peperiksaan Tahun 2023)

Bil.	Jenis Peperiksaan	Penerima Yang Layak	Kadar Bayaran (RM)	Jumlah (RM)
1.	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	111	250.00	27,750.00
2.	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan setaraf	15	300.00	4,500.00
3.	Peperiksaan Matrik/Diploma dan setaraf (Berdasarkan Keputusan Semester terakhir)	58	300.00	17,400.00

Nota :-

Senarai nama penerima yang layak dipaparkan dalam laman sesawang KAKIB di "www.kakib.my"

3.7 Tabung Pendidikan Anggota (Lawatan Sambil Belajar/Kursus Anggota)

Seiring dengan Prinsip Koperasi yang kelima (5) iaitu Pendidikan, Latihan dan Maklumat, KAKIB secara berterusan menyediakan aktiviti dan kursus yang bersesuaian kepada anggota bagi mendidik mereka berkenaan hak dan tanggung jawab mereka sebagai anggota. Latihan dan aktiviti yang telah dianjurkan dalam tahun 2024 adalah seperti berikut :-

Bil.	Tarikh	Nama Kursus /Tempat	Bil Peserta	Tujuan
1.	18.05.2024	Kursus Hujung Minggu KAKIB, dihadiri oleh anggota bersama ALK di Pusat Seminar Dan Latihan KAKIB. Penceramah yang dijemput adalah dari ANGKASA Negeri Perak.	60 Anggota KAKIB	Kursus ini diadakan bagi memberi ilmu dan pengetahuan berkenaan konsep berkoperasi dan hak serta tanggungjawab kepada anggota baru.
2.	16 hingga 18.08.2024	Lawatan Sambil Belajar ke Pulau Perhentian, Terengganu dan Kelantan untuk pemenang Cabutan Bertuah MAT ke 98.	27 orang peserta	Lawatan ini diadakan bertujuan memberi peluang kepada anggota untuk menimba pengalaman baru serta mengeratkan lagi hubungan sesama anggota.

3.8 Sumbangan Saguhati Kepada Anggota Bersara

Bil.	Perkara	Bilangan Penerima Yang Layak	Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	Bayaran Saguhati Anggota Bersara	115	79,000.00

3.9 Kumpulan Wang Khairat Kematian Anggota

3.9.1 *Penyata bayaran kepada anggota KAKIB yang meninggal dunia dibayar dalam tahun 2024*

Bil.	Bilangan Anggota Yang Meninggal Dunia	Kadar Bayaran (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	14	1,500.00	21,000.00
2.	5	2,000.00	10,000.00

3.9.2 *Penyata bayaran kepada keluarga anggota KAKIB yang meninggal dunia dibayar dalam tahun 2024*

Bil.	Hubungan	Bilangan Yang Meninggal Dunia	Kadar Bayaran (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	Suami/Isteri kepada Anggota	17	1,000.00	17,000.00
2.	Ibu/Bapa/Anak kepada Anggota	124	500.00	62,000.00

3.10 Penerima Cenderahati Anggota Lama Tahun 2024

Bil.	No. Anggota	Nama Anggota	Alamat
1.	12258	Mthusamy a/l Pitchai	No. 7, Regat Tasek Jaya 3, Taman Tasek Jaya, 31400 Ipoh.
2.	12280	Murugiah a/l Manickam	No. 33A, Lengkok Rishah 3, Taman Silibin Ria, 31400 Ipoh.
3.	12450	Anthony Rogers Louis	No. 18, Lengkok Tun Abdul Razak, Taman Maxwell, 30100 Ipoh.
4.	12479	Mohd Zin bin Abd Karim	No. 3, Kampung Kubang Ikan, Batu 30, Titi Gantung, 32600 Bota, Perak.

Bil.	No. Anggota	Nama Anggota	Alamat
5.	12555	Azizah binti Mohd Noordin	No. 181, Hala Jati Meru 16, Kampung Tersusun Jelapang Jaya, 30020 Ipoh.
6.	12626	Noor Mashitah binti Mat Ali	No. 40, Kampung Tersusun Batu 20 ¾, Batu Karang, 31900 Kampar, Perak.
7.	12697	Gunavathy a/p Ragavian	No. 23, Persiaran Tawas Permai 7, Taman Tawas Permai, 30010 Ipoh, Perak.
8.	12747	Chelvakumaran a/l Rathinasamy	No. 5, Jalan 1A/71E, Off Jalan Carey, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
9.	12838	Suppammah a/p Suppiah	No. 157, Hala Bekor 2, Taman Pertama, 30100 Ipoh, Perak.
10.	12865	Rohani binti Saad	No. 42, Selasar Rokam 30, Taman Ipoh Jaya, 31350 Ipoh, Perak.

3.11 **Zakat Perniagaan KAKIB Bagi Tahun 2023 (berdasarkan kepada jumlah Anggota muslim sahaja)**

Tarikh	Perkara	Amaun (RM)
28.11.2024	Pembayaran Zakat Perniagaan KAKIB Tahun 2023 telah dibuat di kaunter bayaran Zakat Majlis Agama Islam Negeri Perak (MAIPk), Ipoh.	162,826.30

3.12 **Penyertaan Dalam Seminar, Kursus, Bengkel, Dialog, Perayaan, Mesyuarat dan Persidangan Tahun 2024**

Bil.	Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
1.	12.01.2024	Majlis Penyerahan Zakat Tahun 2022	i. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly <i>(Bendahari KAKIB)</i> ii. En. Azizul bin Mansur <i>(Setiausaha KAKIB)</i>	Menyerahkan bayaran Zakat Perniagaan KAKIB bagi tahun 2022 sebanyak RM202,645.05 kepada DYMM Seri Paduka Baginda Sultan Perak.

Bil.	Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
2.	19.01.2024	Kunjungan Hormat Anggota Lembaga KAKIB ke Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Semua Anggota Lembaga KAKIB	Lawatan adalah bertujuan untuk bersua muka bersama YB Dato' Salbiah binti Mohamed bagi merapatkan hubungan, bertukar-tukar idea dan pandangan serta perkongsian mengenai perkembangan KAKIB.
3.	27 hingga 28.01.2024	Kursus <i>Team Building</i> KAKIB di Gopeng Glamping Park, Perak	i. Semua Anggota Lembaga KAKIB ii. Semua pekerja KAKIB	Kursus <i>Team Building</i> KAKIB diadakan bagi menyemai semangat kerja berpasukan dan jati diri di kalangan Anggota Lembaga dan pekerja KAKIB.
4.	15.02.2025	Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat Kepada Asnaf Miskin (Rawatan Dialisis) di Bilik Mesyuarat KAKIB	Semua Anggota Lembaga KAKIB	Majlis diadakan bagi menyerahkan sumbangan kepada wakil Pusat Dialisis Darul Itizam dan Pusat Dialisis Ar Ridzuan bagi rawatan dialisis Asnaf Miskin yang layak.
5.	06 hingga 07.02.2024	Kursus Wajib 1 – Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi di Sayong Resort, Kuala Kangsar	i. En. Mohamad Norazlee bin Mohd Radzi (ALK) ii. En. Zarawi bin Zainudin (ALK)	Kursus ini diadakan bagi memberikan pendedahan berkaitan ciri-ciri pentadbiran koperasi serta amalan koperasi yang baik.
6.	20 hingga 21.02.2024	Kursus Wajib 3 – Pengurusan Strategik Koperasi di Hotel Grand Kampar, Kampar, Perak	i. En. Azizul bin Mansur (Setiausaha KAKIB) ii. Tn. Haji Jamal bin Abdul Moin (ALK) iii. En. Mohd Shafri bin Sulaiman (ALK) iv. En. Abdull Wahab bin Busu (ALK)	Kursus ini diadakan bagi memberikan kefahaman berkaitan Pengurusan Strategik Perniagaan dan Pentadbiran Koperasi.

Bil.	Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
7.	13.02.2024	Program Penanda Aras : Aktiviti Kredit Bersama Koperasi Guru-Guru Sekolah Malaysia Berhad (KGSM Bhd) di Pejabat KGSM, Ipoh, Perak	i. En. Mohd Hasrizad bin Zaman <i>(Pengerusi KAKIB)</i> ii. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly <i>(Bendahari KAKIB)</i>	Program anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Perak ini diadakan bagi memberikan peluang kepada koperasi-koperasi berkongsi pengalaman berkenaan Aktiviti Kredit.
8.	18.02.2024	Pemilihan Perwakilan Mesyuarat Agung Kawasan 2024 (MAK 2024) Co-opBank Pertama bagi Kawasan Ipoh dan Manjung di Hotel Riverfront Ipoh	En. Azizul bin Mansur <i>(Setiausaha KAKIB)</i>	Mesyuarat ini diadakan bagi memilih Perwakilan untuk Mesyuarat Agung Kawasan Ipoh dan Manjung (MAK 2024).
9.	06.03.2024	Sesi Pilot Soal Selidik Kajian Indeks Gerakan Koperasi secara atas talian	En. Mohd Noor Aniq Zuhaili bin Ahmad <i>(ALK)</i>	Kaji selidik diadakan bagi memastikan koperasi berada di landasan yang betul sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi negara yang seimbang.
10.	23.04.2024	Mesyuarat Agung Negeri (MAN) 2024 ANGKASA Perak secara atas talian	En. Mohd Hasrizad bin Zaman <i>(Pengerusi KAKIB)</i>	Mesyuarat diadakan bagi memilih jawatan Pengerusi dan juga Ahli-Ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri (JPAN) ANGKASA Negeri Perak.
11.	22.04.2024	Taklimat Sistem iKOOP oleh ALM Core Solution Sdn. Bhd. (Vendor lantikan IKMa) di Bilik Mesyuarat KAKIB	Semua Anggota Lembaga KAKIB	Taklimat diadakan bagi memberikan penerangan berkenaan sistem baru yang dibangunkan oleh IKMa untuk kegunaan koperasi.

Bil.	Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
12.	17.05.2024	Taklimat Program Digitalisasi Sistem Pengurusan Ar Rahn (Code e – CORAHNU) di Bilik Mesyuarat KAKIB	Semua Anggota Lembaga KAKIB	Taklimat diadakan bagi memberikan penerangan berkenaan sistem pengurusan Ar Rahn yang dibangunkan oleh IKMa untuk kegunaan koperasi.
13.	23.05.2024	Lawatan Penanda Aras Koperasi Negeri Perak di KAKIB dan di Hotel Tower Regency, Ipoh, Perak	Semua Anggota Lembaga KAKIB	Program yang dianjurkan oleh SKM Perak ini adalah bertujuan memberikan peluang kepada koperasi-koperasi untuk berkongsi pengalaman berkenaan aktiviti dan perniagaan.
14.	25.05.2024	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA) secara atas talian	En. Azizul bin Mansur <i>(Setiausaha KAKIB)</i>	Mesyuarat diadakan bagi memilih lima (5) orang Anggota Lembaga Koperasi serta membentangkan dan membincangkan laporan-laporan yang berkaitan.
15.	27.06.2024	Lawatan Konsultansi Akaun Deposit Koperasi SKM di Bilik Mesyuarat KAKIB	i. En. Azizul bin Mansur <i>(Setiausaha KAKIB)</i> ii. En. Shahrudin bin Ali <i>(Pengurus KAKIB)</i>	Lawatan ini adalah bertujuan untuk memberikan pencerahan berkenaan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS).
16.	19.07.2024	Taklimat Pinjaman Akaun Deposit Koperasi (ADK) oleh Co-opBank Pertama di Bilik Mesyuarat KAKIB	Semua Anggota Lembaga KAKIB	Taklimat diadakan bagi memberikan penerangan kepada Anggota Lembaga KAKIB berkenaan pinjaman ADK.
17.	05 hingga 06.08.2024	Bengkel Tadbir Urus Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA) 2024 di Awana Golf and Country Resort, Genting Highlands, Pahang	i. En. Muhamad Farid bin Ibrahim <i>(ALK)</i> ii. En. Noor Hamzah bin Bahari <i>(Ketua Pembantu Tadbir KAKIB)</i>	Bengkel ini diadakan bagi tujuan untuk memberikan pengetahuan berkenaan perjalanan Sistem SPGA ANGKASA.

Bil.	Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
18.	11.08.2024	Kejohanan Petanque ANGKASA Peringkat Negeri Perak 2024 di Arena Petanque, Kuala Kangsar, Perak	<ul style="list-style-type: none"> i. Tn. Haji Jamal bin Abdul Moin (ALK) ii. En. Mohd Shafri bin Sulaiman (ALK) iii. En. Zollizan bin Mat Tahir (ALK) 	Kejohanan Petanque ini merupakan acara tahunan anjuran ANGKASA Negeri Perak bagi mencari wakil negeri Perak ke peringkat kebangsaan.
19.	16 hingga 18.08.2024	Program Lawatan Sambil Belajar sempena Hadiah Cabutan Bertuah MAT Ke 98 di Pulau Perhentian, Terengganu dan Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> i. 14 orang Anggota Lembaga KAKIB ii. 27 orang Anggota KAKIB 	Lawatan ini diadakan bertujuan untuk memberikan peluang kepada Anggota KAKIB menimba pengalaman dan memupuk semangat kerjasama sesama anggota.
20.	04 hingga 05.09.2024	Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi 2024 di Hotel Swiss Garden, Melaka	<ul style="list-style-type: none"> i. En. Azizul bin Mansur (Setiausaha KAKIB) ii. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (Bendahari KAKIB) 	Majlis anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ini adalah bertujuan untuk meraikan kejayaan koperasi-koperasi di peringkat kebangsaan bagi tahun 2024.
21.	18 hingga 19.09.2024	Kursus Wajib 2 – Pengurusan Kewangan di Pusat Latihan Koperasi (M) Zon Timur, Kuantan, Pahang	<ul style="list-style-type: none"> i. Tn. Haji Jamal bin Abdul Moin (ALK) ii. En. Abdull Wahab bin Busu (ALK) 	Kursus ini diadakan adalah bertujuan memberikan kefahaman kepada anggota lembaga berkenaan aspek pengurusan kewangan koperasi.
22.	31.10.2024 hingga 02.11.2024	Kursus Tahunan ALK dan Pengurusan KAKIB di Hotel Adya, Langkawi, Kedah	<ul style="list-style-type: none"> i. 13 orang ALK ii. 20 orang Pengurusan KAKIB 	Kursus diadakan bagi memberi pendedahan berkaitan Pengurusan Akaun, Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan dan Penstrukturan semula KAKIB. Penceramah yang dijemput adalah Pegawai dari SKM Negeri Perak.

Bil.	Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
23.	06 hingga 08.11.2024	Program <i>Mentoring & Coaching</i> : Penguksuhan Aktiviti Eko Pelancongan di De' Bleu Hotel, Langkawi, Kedah	i. En. Muhamad Farid bin Ibrahim (ALK) ii. En. Anuar Sayuti bin Che Ab Kadir (ALK)	Program anjuran SKM Negeri Perak ini diadakan bertujuan bagi melawat dan mempelajari kejayaan beberapa buah koperasi yang terlibat didalam bidang eko pelancongan.
24.	16.12.2024	Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Malaysia Tahun 2024 di Royal Perak Golf Club, Ipoh, Perak	i. En. Mohd Hasrizad bin Zaman (Pengerusi KAKIB) ii. En. Azizul bin Mansur (Setiausaha KAKIB) iii. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (Bendahari KAKIB) iv. Tn. Haji Jamal bin Abdul Moin (ALK) v. En. Mohd Shafri bin Sulaiman (ALK) vi. En. Abdull Wahab bin Busu (ALK) v. En. Shahrudin bin Ali (Pengurus KAKIB)	Majlis yang dianjurkan oleh SKM Negeri Perak ini diadakan bagi tujuan meraikan kejayaan koperasi-koperasi negeri Perak yang berada di dalam senarai 100 Koperasi Terbaik Di Malaysia.
25.	19.12.2024	Lawatan Penanda Aras KAKIB ke Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Bhd, Bagan Datuk, Perak	Semua Anggota Lembaga KAKIB	Lawatan Penanda Aras ini diadakan bertujuan untuk mempelajari pengurusan ladang kelapa sawit oleh koperasi yang sudah berpengalaman di dalam bidang tersebut.

4. AKTIVITI EKONOMI DAN PERNIAGAAN

Dari awal penubuhan, KAKIB merupakan sebuah koperasi yang aktiviti utamanya adalah kredit. Walaupun selepas 100 tahun, perkhidmatan kredit masih lagi merupakan sumber utama pendapatannya dan KAKIB akan sentiasa memastikan aktiviti pembiayaan kekal relevan serta menjadi pilihan utama kepada anggota yang memerlukan. Kaedah permohonan dan kadar keuntungan sentiasa dikemaskini seiring dengan peredaran zaman. Hebahan dan promosi

juga giat dijalankan di semua saluran yang dimiliki oleh KAKIB bagi memastikan anggota sentiasa cakna dengan aktiviti KAKIB disamping dapat memastikan pendapatan dalam aktiviti utama ini terus meningkat dan seterusnya akan memberikan pulangan semula yang setimpal kepada semua anggota.

Terdapat juga beberapa perniagaan KAKIB yang telah dihentikan operasinya kerana tidak lagi ekonomik untuk dijalankan dan juga tidak mendapat sambutan seperti yang dirancang. Perniagaan yang telah dihentikan operasinya adalah Perniagaan Telco RedOne KAKIB (RedCoop) dan juga Ejen Insurans Am. Perniagaan yang dibekukan operasinya untuk sementara waktu ialah perniagaan oleh subsidiari KAKIB iaitu KAKIB Travel Tours and Management Sdn. Bhd. (KTTM). Kepentingan anggota dan juga kelangsungan perniagaan KAKIB merupakan faktor utama yang diambil kira dalam setiap pertimbangan dan keputusan yang dibuat berkenaan perniagaan dan aktiviti KAKIB.

Mana-mana juga perniagaan akan ada naik dan turunnya, namun begitu KAKIB masih berjaya mengekalkan prestasi yang baik kerana KAKIB telah mendapat sokongan berterusan dari anggotanya. Diharapkan semua anggota dapat terus memberikan sokongan penuh kepada aktiviti KAKIB samada yang sedang dijalankan mahupun yang sedang dirancang untuk dijalankan di masa hadapan.

4.1 **Pembiayaan Yang Ditawarkan Kepada Anggota**

4.1.1 ***Pembiayaan Peribadi***

Pembiayaan peribadi dengan had maksimum pembiayaan adalah **RM250,000.00** tanpa penjamin dengan syarat had umur anggota adalah tidak melebihi 54 tahun. Bagi yang berumur 54 tahun ke atas perlu sekurang-kurangnya 2 Penjamin. Kelayakan pembiayaan tertakluk kepada potongan tidak melebihi 60% daripada gaji hakiki bulanan dan kadar keuntungan tetap adalah 3.9% setahun. Tempoh bayaran balik maksima sehingga 120 bulan (10 tahun).

4.1.2 ***Pembiayaan Kredit***

Pembiayaan Kredit dengan jumlah maksimum pembiayaan adalah 90% dari jumlah yuran anggota atau maksimum **RM250,000.00** tertakluk kepada mana yang lebih rendah. Kelayakan pembiayaan tertakluk kepada potongan tidak melebihi 60% daripada gaji hakiki bulanan dan kadar keuntungan tetap adalah 3.5% setahun dengan tempoh bayaran balik maksima sehingga 120 bulan (10 tahun).

4.1.3 ***Pembiayaan Aktiviti Perniagaan***

Pembiayaan Aktiviti Perniagaan dengan jumlah had maksimum pembiayaan adalah **RM50,000.00**. Kelayakan pembiayaan tertakluk kepada potongan tidak melebihi 60% daripada pendapatan bulanan. Kadar keuntungan tetap adalah 3.5% setahun dengan tempoh bayaran balik maksima sehingga 120 bulan (10 tahun). Pembiayaan ini boleh digunakan bagi tujuan untuk membeli pelbagai barangan seperti kereta, peralatan elektrik dan juga pengubahsuaian rumah.

Anggota boleh melayari laman sesawang KAKIB di "www.kakib.my" untuk mendapatkan keterangan lanjut.

4.2 Aktiviti Perniagaan Ar Rahnu KAKIB

Perniagaan Ar Rahnu KAKIB telah bermula sejak tahun 2017 bertempat di Aras G, bangunan KAKIB dan Ar Rahnu KAKIB yang kedua pula telah dibuka di Silibin, Perak dalam tahun 2022. Ar Rahnu KAKIB menawarkan pembiayaan Nilai Simpan maksimum sehingga RM25,000.00 untuk setiap transaksi dengan margin pembiayaan sehingga 80% daripada nilai marhun serta Upah Simpan serendah RM0.80/gram. Tempoh Gadaian selama 6 bulan dan boleh diperbaharui. Mutu barangan kemas yang diterima ialah daripada Emas 750, 835, 916 dan 999.

Perniagaan Ar Rahnu KAKIB telah mendapat sambutan dari orang ramai dan telah menjadi antara penyumbang utama kepada pendapatan KAKIB secara keseluruhannya. Keuntungan dari perniagaan Ar Rahnu KAKIB dilihat terus meningkat dari tahun ke tahun sejak penubuhannya.

Anggota boleh melayari laman sesawang KAKIB di “www.kakib.my” untuk mendapatkan keterangan lanjut.

4.3 Aktiviti Subsidiari KAKIB - KAKIB Travel Tours and Management Sdn. Bhd. (KTTM)

4.3.1 *Pelancongan*

Aktiviti pelancongan telah dihentikan operasinya buat sementara waktu bagi memberi peluang kepada ALK dan Ahli Lembaga Pengarah KTTM mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul dari kepincangan tadbir urus pengurusan KTTM yang terdahulu. KAKIB berharap agar semua masalah tersebut dapat diselesaikan dan aktiviti pelancongan dapat beroperasi semula.

4.3.2 *KAKIB Wellness*

Perniagaan farmasi dan penjagaan kesihatan KAKIB Wellness telah dihentikan operasinya akibat dari beberapa masalah yang timbul seperti kegagalan pihak MyANGKASA Farmasi Sdn. Bhd. melalui Pharmawellness mengotakan janji, kesukaran mendapatkan Ahli Farmasi serta persaingan yang sengit di antara farmasi-farmasi akibat dari pertumbuhan mendadak perniagaan farmasi dan penjagaan kesihatan.

4.4 Hartanah dan Sewaan Bangunan

4.4.1 *Projek Khas Rancangan Perumahan Anggota Kerajaan (Kampung Tersusun) di atas Lot 116174, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta, Batu Gajah, Perak*

Projek Khas perumahan anggota kerajaan ini merupakan salah satu aktiviti sosial ekonomi pihak KAKIB dalam usaha menambah pendapatan KAKIB. Untuk makluman, KAKIB telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Perak sebagai pemaju projek ini dan kerja-kerja telah dimulakan dalam tahun 2016. Mengikut rancangan asal, terdapat seramai 136 orang peserta yang terdiri daripada 41 peserta dari anggota KAKIB dan 95 orang peserta dari Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah.

Projek tersebut telah terhenti selama beberapa tahun kerana kontraktor asal yang dilantik gagal menyiapkan kerja-kerja tersebut. KAKIB telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan projek ini dapat disiapkan dan diserahkan kepada peserta dengan kadar segera. Pembangunan fizikal sudah melebihi 70% dan projek dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2025. Seiring dengan pembangunan fizikal yang sedang berjalan, KAKIB melalui Pemegang Amanah dalam proses membuat tuntutan bayaran kepada semua peserta seperti yang termaktub di dalam perjanjian.

4.4.2 **Aset Tetap dan Bangunan KAKIB**

KAKIB memiliki Aset Tetap berupa bangunan dan rumah-rumah kedai di Jalan Dato' Onn Jaafar, Jalan Raja Musa Aziz, Taman Chepor Damai, Meru Raya, Jalan Labrooy dan Silibin Business Centre, Ipoh. Kesemua Aset Tetap ini disewakan dan menjadi salah satu penyumbang tetap kepada pendapatan KAKIB.

KAKIB juga merancang untuk membuat perolehan aset-aset yang dilihat berpotensi menjana pendapatan. Contoh aset yang dirancang untuk dibeli ialah bangunan, tanah pembangunan dan tanah pertanian.

4.5 **Pusat Seminar dan Latihan KAKIB**

Pusat Seminar dan Latihan KAKIB ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan di mana setiap bulan ada kursus dan taklimat yang diadakan oleh pihak luar. Pihak KAKIB juga telah menawarkan Pusat Seminar dan Latihan KAKIB ini kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Perak (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Cawangan Perak bagi digunakan untuk kursus-kursus anjuran mereka.

Diharapkan agar anggota KAKIB dapat bersama-sama menyokong dan membantu mempromosikan Pusat Seminar dan Latihan KAKIB ini agar terus maju dan seterusnya dapat menjana pendapatan kepada KAKIB.

5. **PERANCANGAN AKTIVITI EKONOMI DAN PERNIAGAAN KAKIB**

5.1 **Perancangan Penubuhan Pusat Dialisis KAKIB**

Cadangan Penubuhan Pusat Dialisis KAKIB telah diluluskan dan mendapat mandat dari anggota semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke 93 yang lalu. Penubuhan Pusat Dialisis KAKIB juga telah mendapat perhatian dan sokongan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta galakan daripada Kerajaan Negeri Perak. Walau bagaimanapun, cadangan ini belum dapat direalisasikan lagi buat masa ini atas faktor kesesuaian lokasi serta kos yang tinggi.

5.2 **Perancangan Penubuhan Cawangan Ar Rahnu KAKIB Ketiga**

Penubuhan cawangan ketiga Ar Rahnu KAKIB ini masih lagi di peringkat cadangan awal dan lokasi penubuhannya belum lagi ditentukan. Walau bagaimanapun, penubuhan Ar Rahnu ketiga ini diharapkan dapat direalisasikan dalam waktu terdekat atas faktor sambutan yang menggalakkan terhadap kedua-dua Ar Rahnu sedia ada.

5.3 Perancangan Aktiviti Pertanian

Buat masa ini KAKIB sedang meneroka bidang pertanian iaitu tanaman kelapa sawit sebagai salah satu aktiviti yang dijangka dapat meningkatkan lagi pendapatan KAKIB.

6. ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN DALAM TAHUN 2024

KAKIB sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk mencapai dan memenuhi segala kriteria, syarat, kualiti dan piawaian yang ditetapkan agar kualiti perkhidmatan serta urusan tadbir dapat dipertingkatkan bagi mendapatkan keyakinan daripada anggota terhadap perkhidmatan serta aktiviti yang dijalankan.

Antara anugerah yang diterima oleh KAKIB dalam tahun 2024 ialah :-

- 6.1 KAKIB telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di kedudukan ke 53 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik di Malaysia.
- 6.2 KAKIB telah dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Perak sebagai Koperasi Terbaik di Negeri Perak di kedudukan ke 3.

7. AKTIVITI KEMASYARAKATAN, SUMBANGAN DAN BANTUAN KAKIB KEPADA ANGGOTA/ MASYARAKAT DALAM TAHUN 2024

KAKIB tidak sahaja memberikan perkhidmatan serta manfaat kepada anggotanya. KAKIB juga mendidik anggotanya untuk menjadi warganegara bertanggungjawab dan prihatin terhadap masyarakat dengan melaksanakan aktiviti kebajikan untuk anggotanya dan juga masyarakat setempat. KAKIB juga telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Perak (MAIPk) sebagai wakil bagi memberikan sumbangan Zakat Wakalah kepada asnaf yang layak.

Bil.	Tarikh	Perkara	Bil. Penerima	Amaun (RM)	Jumlah (RM)
1.	13.02.2024	Bantuan zakat Asnaf Miskin kepada Pesakit Dialisis Tajaan MAIPk (Pusat Dialisis Darul Itizam).	25	300.00	7,500.00
2.	13.02.2024	Bantuan zakat Asnaf Miskin kepada Pesakit Dialisis Tajaan MAIPk (Pusat Dialisis Ar Ridzuan).	59	300.00	17,700.00
3.	13.02.2024	Bantuan kepada 6 orang pelajar Maahad Tahfiz.	6	150.00	900.00
4.	30.03.2024	Bantuan peralatan persekolahan kepada 100 orang anak-anak yatim.	100	200.00	20,000.00
5.	04.04.2024	Bantuan kepada SRAR di sekitar Ipoh.	4	4,313.00	4,313.00

8. PENGHARGAAN

KAKIB tidak akan dapat mencapai kejayaan tanpa ada pihak-pihak yang membantu dan menyokong sama ada secara langsung atau tidak. Oleh itu, semua Anggota Lembaga KAKIB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat :-

- 8.1 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
- 8.2 Pengarah dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Perak (SKM Perak);
- 8.3 Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak dan Badan Berkanun;
- 8.4 ANGKASA Pusat dan ANGKASA Negeri Perak;
- 8.5 Institut Koperasi Malaysia (IKMa);
- 8.6 Jawatankuasa Audit Dalaman KAKIB (JAD);
- 8.7 ARA Associates;
- 8.8 Anggota KAKIB; dan
- 8.9 Pengurusan KAKIB.

Bagi pihak Anggota Lembaga KAKIB,



AZIZUL BIN MANSUR

Setiausaha

Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB)

KEPUTUSAN UNDIAN ANGGOTA LEMBAGA BAGI TAHUN 2024 - 2025

No.	Nama Anggota	No. Anggota	Jabatan	Jumlah Undi
1.	Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifyly	19985	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	2911
2.	Azizul bin Mansur	26120	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Perak	2654
3.	Mohd Shafri bin Sulaiman	23756	Klinik Kesihatan Gunung Rapat, Ipoh	2558
4.	Mohd Norazlee bin Mohd Radzi	29329	Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak, Ipoh	2129
5.	Zarawi bin Zainudin	27173	Pejabat Pembangunan Negeri Perak, Ipoh	2154
6.	Anuar Sayuti bin Che Ab Kadir	28878	Jabatan Audit Negara Negeri Perak, Ipoh	2399
7.	Mohd Nazri bin Mat Ail	25186	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	2382

Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad,
111-B, Tingkat Satu,
Jalan Dato' Onn Jaafar,
30300 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : 19.5.2025

LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) BAGI TAHUN KEWANGAN 2024

Kami, Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) yang dilantik oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) bagi sesi tahun kewangan 2024 berdasarkan kepada Akta Koperasi, Seksyen 42A dan Undang-Undang Kecil KAKIB (UUK), Bahagian 50 akan membentangkan laporan auditan kami seperti berikut.

2. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KAKIB

Tadbir urus KAKIB telah diamanahkan kepada 15 orang ALK yang dipilih melalui proses pengundian pada Mesyuarat Agung Tahunan KAKIB yang diadakan pada setiap tahun. Pentadbiran koperasi ini digerakkan oleh 23 orang pekerja yang mengendalikan segala urusan berkaitan koperasi. Segala pemantauan ini dilakukan oleh JAD yang dilantik oleh ALK pada tahun semasa.

3. AKTIVITI-AKTIVITI KAKIB

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh KAKIB berdasarkan kepada UUK, Bahagian 9 :-

- 3.1 Yuran Simpanan Anggota, Syer Anggota, Simpanan Khas Anggota, Pembiayaan-Pembiayaan Anggota, Kumpulan Wang dan Tabung Amanah Anggota;
- 3.2 Ar Rahn KAKIB;
- 3.3 Unit Jualan;
- 3.4 Pembangunan Hartanah dan Sewaan;
40,000.00	Dividen dari Saham Koperasi dan Saham Siar Harga	40,000.00
155,000.00	Belanja Perkhidmatan atas Bayaran Bertanggung	170,000.00
15,000.00	Pelbagai Pendapatan	15,000.00
250,000.00	Keuntungan atas Simpanan Pelaburan Am Mudharabah	250,000.00
75,000.00	Komisen sebagai Pemungut Premium Insurans	75,000.00
65,000.00	Kos BPA diterima dari anggota-anggota	65,000.00
8,300,000.00	Keuntungan atas Pembiayaan kepada anggota-anggota	8,500,000.00
200,000.00	Sewa Bangunan	250,000.00
360,000.00	Skim Perlindungan & Penebusan Pinjaman - Upah Perkhidmatan	370,000.00
847,000.00	Aktiviti Unit Jualan	953,000.00
85,000.00	Upah Proses Pembiayaan	90,000.00
2,200.00	Fi Masuk	2,200.00
10,000.00	Hibah (Bank Muamalat, Bank Rakyat & Bank Islam)	10,000.00
660,000.00	Aktiviti Ar-Rahnu KAKIB	714,000.00
465,600.00	Aktiviti Ar-Rahnu Cawangan Silibin	529,100.00
15,000.00	Keuntungan atas Pelaburan Am Mudharabah di Bank (Unit Jualan)	15,000.00
33,000.00	Keuntungan Pelaburan Hong Leong Assurance Berhad	33,000.00
40,000.00	Keuntungan Pelaburan Hong Leong Assurance Berhad (Dana Suria)	40,000.00
10,000.00	Sewaan Bilik Seminar dan Latihan KAKIB	15,000.00
5,000.00	Perkhidmatan Pembiayaan Khas Covid R78	3,000.00
2,000.00	Caj Penyata Penyelesaian Awal	2,000.00
150,000.00	Caj Penyelesaian Awal Pembiayaan	170,000.00

11,805,300.00 Jumlah Pendapatan

12,331,500.00

**Anggaran
Tahun 2025
RM****PERBELANJAAN****Anggaran
Tahun 2026
RM**

70,000.00	Bayaran Utiliti	70,000.00
7,000.00	Bayaran Utiliti - Pusat Seminar Dan Latihan	7,000.00
9,000.00	Bayaran Utiliti - Ar-Rahnu KAKIB Cawangan Silibin	9,000.00
80,000.00	Alatulis & Cetakan	60,000.00
30,000.00	Fi Audit Luar	30,000.00
12,000.00	Bayaran Perakaunan	12,000.00
5,000.00	Bayaran Bank	5,000.00
6,000.00	Belanja Pelbagai	6,000.00
22,000.00	Caruman Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)	22,000.00
30,000.00	Cukai Tanah & Taksiran	30,000.00
160,000.00	Dalal Biro Perkhidmatan ANGKASA	170,000.00
65,000.00	Dividen Atas Simpanan Khas	65,000.00
850,000.00	Emolumen	900,000.00
18,000.00	Iklan dan Sebaran Am	10,000.00
5,000.00	Iklan dan Sebaran Am - Ar-Rahnu KAKIB Cawangan Silibin	3,000.00
15,000.00	Keraian	18,000.00
30,000.00	Komputer - Penyelenggaraan	30,000.00
60,000.00	Komputer - Urusan	50,000.00
120,000.00	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	120,000.00
90,000.00	Latihan Pengurusan	90,000.00
80,000.00	Mahkamah & Peguam	80,000.00
750,000.00	Belanja Mesyuarat Agung	750,000.00
25,000.00	Belanja Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi	25,000.00
4,800.00	Pakaian Seragam 2 Pembantu Am & 4 orang Pembantu Keselamatan	6,000.00
2,200.00	Elaun Pengurusan Pusat Seminar dan Latihan KAKIB	1,800.00
7,000.00	Penyelenggaraan Alat Hawa Dingin	7,000.00
300,000.00	Penyelenggaraan Bangunan	300,000.00
8,000.00	Penyelenggaraan Bangunan - Pusat Seminar	8,000.00
5,000.00	Penyelenggaraan Bangunan - Ar-Rahnu Cawangan Silibin	5,000.00
8,000.00	Penyelenggaraan Kelengkapan & Mesin Pejabat	8,000.00
2,500.00	Penyelenggaraan Kelengkapan - Pusat Seminar	2,500.00
1,000.00	Penyelenggaraan Kelengkapan - Ar-Rahnu	3,500.00
30,000.00	Perubatan Pekerja	30,000.00
30,000.00	Premium Insurans Kebakaran & Kecurian	30,000.00

40,000.00	Setem Pos	30,000.00
300,000.00	Susutnilai Aset Tetap	300,000.00
30,000.00	Tanah Kerajaan - Urusan	30,000.00
10,000.00	Urusan Pengangkutan & Perjalanan Pekerja	12,000.00
16,000.00	Tambang Pekerja Menghadiri Mesyuarat	20,000.00
7,000.00	Bayaran Cukai Servis Kerajaan	9,000.00
500.00	Lesen Tukul Besi	500.00
12,000.00	Penyelenggaraan Lif	15,000.00
1,980.00	Tambang Jawatankuasa Menentusahkan Minit MAT	1,980.00
750,300.00	Perbelanjaan Unit Jualan	850,300.00
322,100.00	Perbelanjaan Ar-Rahnu KAKIB	373,100.00
145,100.00	Perbelanjaan Ar-Rahnu Cawangan Silibin	195,100.00
2,000.00	Fee Audit Cukai Pendapatan	3,000.00
25,000.00	Fi Wakalah (Akad Pembiayaan)	20,000.00
4,000.00	Sewaan Petak Khas Parking - MBI	4,000.00
150,000.00	Pertanian	150,000.00

Perbelanjaan Lembaga

120,500.00	(i) Tambang Mesyuarat	120,500.00
90,000.00	(ii) Perwakilan & Persidangan	90,000.00
7,440.00	(iii) Elaun Pengerusi	7,440.00
7,440.00	(iv) Elaun Setiausaha	7,440.00
7,440.00	(v) Elaun Bendahari	7,440.00
40,000.00	(vi) Elaun Kerja Lembaga dan Jawatankuasa Kecil	40,000.00

Perbelanjaan Jawatankuasa Audit Dalaman

6,300.00	(i) Tambang Mesyuarat	6,300.00
6,000.00	(ii) Elaun	6,000.00
1,500.00	(iii) Kursus JKAD	1,500.00

5,040,100.00	Jumlah Perbelanjaan	5,264,400.00
6,765,200.00	Untung Bersih	7,067,100.00

11,805,300.00

12,331,500.00

ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2026 BAGI UNIT JUALAN KAKIB

Anggaran Tahun 2025 RM	PENDAPATAN	Anggaran Tahun 2026 RM
800,000.00	Jualan	900,000.00
4,000.00	Hibah atas Akaun Simpanan Semasa dari Bank	5,000.00
35,000.00	Keuntungan Atas Pembiayaan Perdagangan	40,000.00
8,000.00	Keuntungan atas Pembiayaan Bertanggung	8,000.00
847,000.00		953,000.00
	Tolak : Kos Jualan	
150,000.00	Inventori Awal pada 1 Januari	100,000.00
700,000.00	Tambah : Belian	850,000.00
850,000.00		950,000.00
(100,000.00)	Inventori Akhir pada 31 Disember	(100,000.00)
750,000.00		850,000.00
	PERBELANJAAN	
300.00	Bayaran Bank	300.00
300.00		300.00
750,300.00		850,300.00
96,700.00	Untung Bersih	102,700.00

ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2026 BAGI AR-RAHNU KAKIB

Anggaran Tahun 2025 RM	PENDAPATAN	Anggaran Tahun 2026 RM
100,000.00	Bayaran Upah	100,000.00
2,000.00	Hibah atas Akaun Simpanan Semasa dari Bank	1,000.00
550,000.00	Keuntungan Pembiayaan	600,000.00
5,000.00	Lain-Lain Pendapatan	5,000.00
3,000.00	Caj Denda Lewat	8,000.00
660,000.00		714,000.00
PERBELANJAAN		
1,000.00	Setem dan Pos	1,000.00
6,000.00	Utiliti	8,000.00
2,000.00	Alatulis dan Percetakan	2,000.00
3,000.00	Iklan Dan Promosi	3,000.00
35,000.00	Susut nilai	35,000.00
10,000.00	Perkakasan Dan Kelengkapan	10,000.00
250,000.00	Rebat	300,000.00
8,000.00	Perbelanjaan Lain	6,000.00
100.00	Caj Bank	100.00
4,000.00	Caj Bursa	5,000.00
3,000.00	Penyelenggaraan dan Pembaikan CCTV	3,000.00
322,100.00		373,100.00
337,900.00	Untung Bersih	340,900.00

ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2026 BAGI AR-RAHNU KAKIB CWG. SILIBIN

Anggaran Tahun 2025 RM	PENDAPATAN	Anggaran Tahun 2026 RM
10,000.00	Bayaran Upah	20,000.00
100.00	Hibah atas Akaun Simpanan Semasa dari Bank	100.00
450,000.00	Keuntungan Pembiayaan	500,000.00
500.00	Lain-Lain Pendapatan	3,000.00
5,000.00	Caj Denda Lewat	6,000.00
465,600.00		529,100.00
	Perbelanjaan	
1,000.00	Setem dan Pos	1,000.00
4,000.00	Utiliti	4,000.00
2,000.00	Alatulis dan Percetakan	2,000.00
2,000.00	Iklan Dan Promosi	2,000.00
20,000.00	Susut nilai	20,000.00
10,000.00	Perkakasan Dan Kelengkapan	10,000.00
100,000.00	Rebat	150,000.00
5,000.00	Perbelanjaan Lain	5,000.00
100.00	Caj Bank	100.00
1,000.00	Penyelenggaraan dan Pembaikan CCTV	1,000.00
145,100.00		195,100.00
320,500.00	Untung Bersih	334,000.00

A hand holding a pen over a laptop and a document with charts. The document has some text and a line graph. The background is a light blue grid pattern.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

[No. Syarikat : 200901021178 (864275-X)]

Diperbadankan di Malaysia

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

No. Syarikat: 200901021178 (864275 - X)

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

PENGARAH

ABDULL WAHAB BIN BUSU
MOHD HUZAIFAH BIN ISMADI
ZULKIMI BIN HUSSAIN
KHAIRIZAL BIN NAPIAH
ZOLLIZAN BIN MAT TAHIR

SETIAUSAHA

NURSYAFIKHAH BINTI SOIB (LS 0010232)

PEJABAT BERDAFTAR

No. 25-1, Jalan Meru Bestari B5,
Meru Raya,
30020 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

TEMPAT PERNIAGAAN UTAMA

111A,
Jalan Dato' Onn Jaafar,
30300 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

JURUAUDIT

KUZAIMI & CO. (AF 1492)
Akauntan Bertauliah

BANK

MAYBANK ISLAMIC BERHAD
Ipoh Main, Perak

MAYBANK ISLAMIC BERHAD
Jelapang, Perak

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama syarikat ialah sebagai agensi pelancongan, perdagangan am dan farmasi.

Tidak ada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama syarikat di sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Kerugian selepas cukai	(98,444)
Kerugian terkumpul dibawa ke hadapan	<u>(357,909)</u>
Kerugian terkumpul dihantar ke hadapan	<u><u>(456,353)</u></u>

DIVIDEN

Tiada dividen dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak berakhir tahun kewangan lepas. Para pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen untuk tahun kewangan semasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Dalam tahun kewangan, tidak ada apa-apa pindahan yang ketara kepada atau dari rizab atau peruntukan kecuali seperti dinyatakan dalam penyata kewangan.

SAHAM DAN DEBENTUR

Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham atau debentur dalam tahun semasa.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

OPSYEN SAHAM

Tiada opsyen telah diberikan oleh Syarikat kepada mana-mana pihak sepanjang tahun untuk mengambil saham Syarikat yang belum diterbitkan.

Tidak ada saham yang telah diterbitkan pada tahun semasa berpunca dari pelaksanaan opsyen untuk mengambil saham Syarikat yang belum diterbitkan. Sehingga berakhir tahun kewangan, tiada saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah opsyen.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan dalam tempoh yang bermula dari awal tahun kewangan dan berakhir pada tarikh laporan ialah:

Abdull Wahab Bin Busu

Zulkimi Bin Hussain

Mohd Huzaifah Bin Ismadi

Mohd Shafri Bin Sulaiman

Muhamad Farid Bin Ibrahim

Khairizal Bin Napiah

Zollizan Bin Mat Tahir

(Bersara pada 04/09/2024)

(Bersara pada 04/09/2024)

(Dilantik pada 04/09/2024)

(Dilantik pada 04/09/2024)

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Mengikut daftar pegangan saham Pengarah di bawah Akta Syarikat, 2016, tiada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun mempunyai kepentingan dalam saham syarikat.

SYARIKAT INDUK

Syarikat adalah anak Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB), sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993, yang juga dianggap oleh para pengarah sebagai syarikat induk utama.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

MANFAAT PARA PENGARAH

Tidak pada akhir tahun kewangan mahupun pada bila-bila masa di sepanjang tahun kewangan, Syarikat menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang bertujuan untuk membolehkan para Pengarah mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain dari manfaat yang ditunjukkan di dalam penyata kewangan) disebabkan oleh sesuatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau badan-badan korporat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan sebuah firma di mana Pengarah tersebut adalah seorang ahli, atau dengan Syarikat di mana Pengarah itu mempunyai kepentingan yang nyata.

GANJARAN PENGARAH

Jumlah imbuhan pengarah atau pengarah masa lalu Syarikat yang terdiri daripada imbuhan yang telah diterima atau akan diterima daripada Syarikat sepanjang tahun adalah seperti berikut:

	2024
	RM
Ganjaran	3,000
	<u>3,000</u>

Tiada seorang pun daripada para pengarah atau pengarah terdahulu Syarikat telah menerima apa-apa faedah lain selain dari tunai daripada Syarikat sepanjang tahun.

Tiada bayaran telah dibayar kepada atau akan dibayar kepada mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Syarikat oleh para pengarah atau pengarah terdahulu Syarikat pada sepanjang tahun.

GANTI RUGI PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada ganti rugi yang telah dibayar atau premium insurans yang dibayar, sepanjang atau sejak akhir tahun, bagi mana-mana pihak yang telah atau pernah menjadi pengarah, pegawai atau juruaudit Syarikat.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

LAIN LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum Penyata Kewangan disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya:

- i) untuk menentukan tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskirakan dan peruntukan yang memadai telah di buat bagi hutang ragu; dan
- ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan nilainya seperti yang dinyatakan dalam rekod perakaunan urus niaga biasa telah pun dikurangkan nilainya kepada suatu jumlah yang dianggap boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

- i) yang akan menyebabkan sebarang hutang lapuk yang perlu dihapuskirakan atau jumlah diperuntukkan bagi hutang ragu tidak memadai secara material; dan
- ii) yang akan menyebabkan nilai aset semasa yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan; atau
- iii) yang boleh menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- iv) yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:-

- i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- ii) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau mungkin akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas tahun kewangan berakhir, pada pendapat para pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya kelak.

Para Pengarah berpendapat:

- i) keputusan operasi Syarikat untuk tahun kewangan semasa tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau kejadian yang bersifat material dan luar biasa.
- ii) keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan semasa tidak dipengaruhi secara berkesan oleh butiran, urus niaga atau peristiwa ketara dan luar biasa dan tiada butiran, urus niaga atau peristiwa ketara dan luar biasa yang berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin mempengaruhi secara berkesan keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

IMBUHAN JURUAUDIT

Jumlah yang telah dibayar kepada atau boleh diterima oleh juruaudit sebagai imbuhan untuk perkhidmatan mereka sebagai juruaudit adalah seperti berikut:

	2024
	RM
Yuran audit berkanun	<u><u>3,000</u></u>

JURUAUDIT

Juruaudit, Kuzaimi & Co., telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Laporan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah



MOHD HUZAIFAH BIN ISMADI
Pengarah



ZULKIMI BIN HUSSAIN
Pengarah

Ipoh, Perak
Tarikh: 08 April 2025

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA OLEH PARA PENGARAH
Menurut Seksyen 251(2) Akta Syarikat 2016

Para Pengarah **KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.** menyatakan bahawa pada pendapat mereka, penyata kewangan Syarikat yang dibentangkan di muka surat 11 hingga 40 telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dan menurut kehendak peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat pada 31 Disember 2024 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah


MOHD HUZAIFAH BIN ISMADI
Pengarah


ZULKIMI BIN HUSSAIN
Pengarah

Ipoh, Perak
Tarikh: 08 April 2025

AKUAN BERKANUN
Menurut Seksyen 251(1) (b) Akta Syarikat 2016

Saya, **MOHD HUZAIFAH BIN ISMADI (No. K/P: 810220-08-6577)**, Pengarah yang bertanggungjawab ke atas rekod-rekod perakaunan dan pengurusan kewangan **KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.**, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan di muka surat 11 hingga 40 adalah pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya)
oleh penama di atas)
MOHD HUZAIFAH BIN ISMADI)
di Ipoh dalam Negeri Perak)
pada 08 April 2025)


MOHD HUZAIFAH BIN ISMADI

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



Lot 196931 (Persiaran Sri Ampang 1),
Perkampungan Ampang Baru,
31350 Ipoh Perak.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

[No. Syarikat: 200901021178 (864275 - X)]

Laporan ke atas audit Penyata Kewangan

Pendapat bersyarat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.**, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan termasuk rumusan dasar-dasar perakaunan penting yang dibentangkan pada muka surat 11 sehingga 40.

Pada pendapat kami, kecuali kesan berkemungkinan ke atas perkara yang diterangkan di dalam perenggan *Asas Kepada Pendapat Bersyarat*, penyata kewangan yang disertakan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat Bersyarat

Kami tidak dapat mengesahkan kewujudan dan keupayaan mengutip semula penghutang dagangan dan lain-lain penghutang yang berjumlah RM1,575 dan RM245,670 pada 31 Disember 2024. Disebabkan keadaan dan cara penyimpanan rekod penghutang dagangan dan lain-lain penghutang syarikat, kami tidak dapat memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian mengenai jumlah penghutang dagangan tersebut. Oleh itu, kami tidak dapat menentukan sama ada sebarang perubahan kepada jumlah ini diperlukan.

Kami tidak dapat mengesahkan kewujudan inventori sebanyak RM12,680 seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan pada 31 Disember 2024. Nilai inventori tersebut telah ditentukan oleh Pengarah berdasarkan anggaran. Oleh itu, kami tidak dapat memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyokong kewujudan inventori tersebut. Sehubungan itu, kami tidak dapat menentukan sama ada sebarang pelarasan terhadap jumlah inventori tersebut diperlukan.

Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut di seksyen Tanggungjawab Juruaudit untuk Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab beretika lain

Kami bebas daripada Syarikat menurut Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab beretika kami yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

[No. Syarikat: 200901021178 (864275 - X)] (Sambungan)

Ketidakpastian Perkara Berkaitan Usaha Berterusan

Kami beri perhatian kepada Nota 3(b) dalam penyata kewangan, yang menunjukkan bahawa, dana pemegang saham Syarikat mengalami defisit sebanyak RM156,353 dan liabiliti semasa Syarikat melebihi aset semasa sebanyak RM129,830. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(b), kejadian dan keadaan ini berserta perkara-perkara lain seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(b), menunjukkan kewujudan ketidakpastian material yang mungkin memberi keraguan yang ketara terhadap keupayaan Syarikat untuk meneruskan sebagai satu usaha berterusan. Pendapat kami tidak diubah suai berkenaan dengan perkara ini.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Syarikat tidak merangkumi Laporan Pengarah dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan audit penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Pengarah dan, dengan berbuat demikian, kami akan mempertimbangkan sama ada Laporan Pengarah dan penyata kewangan Syarikat tidak konsisten secara material atau pengetahuan kami yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya mempunyai salah nyata yang material

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang material dalam Laporan Pengarah, kami dikehendaki melaporkan hal itu. Seperti yang diterangkan di bahagian Asas Kepada Pendapat Bersyarat di atas, kami tidak dapat memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian mengenai kewujudan dan keupayaan mengutip semula penghutang dagangan dan lain-lain penghutang dan nilai inventori untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024. Sehubungan itu, kami tidak dapat membuat kesimpulan sama ada Laporan Pengarah salah nyata secara material atau tidak berkenaan dengan perkara ini.

Tanggungjawab para pengarah ke atas penyata kewangan

Pengarah bertanggungjawab untuk penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberi gambaran benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dan kehendak Akta Syarikat, 2016 di Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman tertentu yang mana ditentukan oleh pengarah sebagai perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada kesilapan material, sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Syarikat, pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan pengarah berniat untuk membubarkan Syarikat atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif lain kecuali berbuat demikian.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

[No. Syarikat: 200901021178 (864275 - X)] (Sambungan)

Tanggungjawab juruaudit ke atas audit penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ia berlaku. Salah nyata boleh berlaku daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan material jika, secara individu atau dalam kumpulan, boleh dijangkakan dapat mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di keseluruhan audit. Kami juga:

1. Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material ke atas penyata kewangan sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah kepada pendapat kami. Risiko salah nyata material yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, perkara yang disengajakan, gambaran yang salah, atau melangkaui kawalan dalaman.
2. Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman syarikat.
3. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengarah.
4. Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan material berlaku berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang material ke atas keupayaan syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan material berlaku, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami perlu mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga Tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan syarikat terhenti terus sebagai satu usaha berterusan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM
KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.**

[No. Syarikat: 200901021178 (864275 - X)] (*Sambungan*)

Tanggungjawab juruaudit ke atas Audit penyata kewangan (sambungan)

5. Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan menunjukkan transaksi dan peristiwa yang sebenar dalam pembentangan saksama

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami dapat kenalpasti di sepanjang pengauditan kami.

Laporan berkenaan kehendak undang-undang dan peraturan lain

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa:

- a) Kecuali bagi perkara yang dinyatakan dalam bahagian *Asas bagi Pendapat Berkelayakan*, rekod perakaunan dan rekod lain telah disimpan dengan betul mengikut peruntukan Akta tersebut.
- b) kami tidak memperoleh semua maklumat dan penjelasan yang kami perlukan.

Lain - lain perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang saham Syarikat sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.



KUZAIMI & CO.
AF 1492
Akauntan Bertauliah



KUZAIMI BIN ABDULLAH
02417/04/2025 J
Akauntan Bertauliah

Tarikh: 09 April 2025
Kuala Lumpur

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024**

	Nota	2024 RM	2023 RM
ASET TAK SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	6	10,595	14,233
		<u>10,595</u>	<u>14,233</u>
ASET SEMASA			
Inventori	7	12,680	42,612
Penghutang dagangan dan lain-lain	8	247,250	283,666
Deposit dan bayaran terdahulu	9	-	1,908
Tunai dan setara tunai	10	155,214	189,116
		<u>415,144</u>	<u>517,302</u>
JUMLAH ASET		<u><u>425,739</u></u>	<u><u>531,535</u></u>
EKUITI			
Modal saham	11	300,000	300,000
Kerugian terkumpul		<u>(456,353)</u>	<u>(357,909)</u>
		<u>(156,353)</u>	<u>(57,909)</u>
LIABILITI TAK SEMASA			
Pinjaman syarikat induk	12	36,121	36,121
Liabiliti cukai tertunda	13	997	1,444
		<u>37,118</u>	<u>37,565</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang dagangan dan lain-lain	14	505,562	512,467
Pinjaman syarikat induk	12	33,328	33,328
Liabiliti cukai semasa		6,084	6,084
		<u>544,974</u>	<u>551,879</u>
JUMLAH LIABILITI		<u><u>582,092</u></u>	<u><u>589,444</u></u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u><u>425,739</u></u>	<u><u>531,535</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada, dan harus dibaca bersama-sama dengan penyata kewangan ini

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Nota	2024 RM	2023 RM
Pendapatan	15	81,670	49,813
Kos jualan		<u>(99,290)</u>	<u>(69,229)</u>
Kerugian kasar		(17,620)	(19,416)
Pendapatan operasi lain		13,608	78,798
Manfaat pekerja		(30,659)	(68,359)
Perbelanjaan pentadbiran lain		<u>(64,220)</u>	<u>(75,639)</u>
Kerugian sebelum cukai	16	(98,891)	(84,616)
Perbelanjaan cukai	17	447	141
Kerugian selepas cukai		<u><u>(98,444)</u></u>	<u><u>(84,475)</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada, dan harus dibaca bersama-sama dengan penyata kewangan ini

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Modal saham RM	Kerugian terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 31 Disember 2022	300,000	(273,434)	26,566
Penerbitan saham	-	-	-
Kerugian bagi tahun kewangan	<u>-</u>	<u>(84,475)</u>	<u>(84,475)</u>
Baki pada 31 Disember 2023	300,000	(357,909)	(57,909)
Penerbitan saham	-	-	-
Kerugian bagi tahun kewangan	-	(98,444)	(98,444)
Baki pada 31 Disember 2024	<u><u>300,000</u></u>	<u><u>(456,353)</u></u>	<u><u>(156,353)</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada, dan harus dibaca bersama-sama dengan penyata kewangan ini

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	2024	2023
	RM	RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi		
Kerugian sebelum cukai	(98,891)	(84,616)
Pelarasan untuk:		
Kerugian pelupusan hartanah, loji dan peralatan	2	-
Peruntukan hutang ragu	35,321	35,321
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3,721	3,382
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	<u>(59,847)</u>	<u>(45,913)</u>
Pengurangan / (Pertambahan) inventori	29,932	(33,890)
Pengurangan / (Pertambahan) penghutang dagangan dan lain-lain	1,095	(818)
Pengurangan / (Pertambahan) deposit dan bayaran terdahulu	1,908	(1,908)
Pengurangan pemiutang dagangan dan lain-lain	<u>(6,905)</u>	<u>(41,338)</u>
Aliran tunai bersih keluar daripada aktiviti operasi	<u><u>(33,817)</u></u>	<u><u>(123,867)</u></u>
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	<u>(85)</u>	<u>(7,530)</u>
Aliran tunai bersih keluar daripada aktiviti pelaburan	<u><u>(85)</u></u>	<u><u>(7,530)</u></u>
Pengurangan bersih tunai dan setara tunai	<u>(33,902)</u>	<u>(131,397)</u>
Tunai dan setara tunai pada awal tahun kewangan	<u>189,116</u>	<u>320,513</u>
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan	<u><u>155,214</u></u>	<u><u>189,116</u></u>
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan mengandungi:		
Tunai dan setara tunai (Nota 10)	<u>155,214</u>	<u>189,116</u>
	<u><u>155,214</u></u>	<u><u>189,116</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada, dan harus dibaca bersama-sama dengan penyata kewangan ini

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2024**

1. MAKLUMAT AM

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Aktiviti utama syarikat adalah sebagai agensi pelancongan, perdagangan am dan farmasi. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti utama syarikat di sepanjang tahun kewangan.

Pejabat pendaftar Syarikat beralamat di No. 25-1, Jalan Meru Bestari B5, Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tempat perniagaan utama Syarikat beralamat di 111A, Jalan Dato' Onn Jaafar, 30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Bilangan kakitangan Syarikat pada akhir tahun kewangan adalah 5 (2023: 7).

Penyata kewangan Syarikat dibentangkan dalam matawang Ringgit Malaysia (RM).

Penyata kewangan telah diluluskan untuk pembentangan oleh Para Pengarah pada 08 April 2025.

2. PEMATUHAN PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN DAN AKTA SYARIKAT, 2016

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 2016 dan mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di Malaysia. bagi entiti persendirian.

3. ASAS PENYEDIAAN

(a) Asas Pengukuran

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut asas kos dan nilai saksama.

Pihak pengurusan telah menggunakan anggaran dan andaian dalam mengukur jumlah aset dan liabiliti pada akhir tempoh laporan dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan. Pertimbangan dan andaian telah digunakan dalam pengukuran, dan dengan itu keputusan sebenar mungkin tidak tepat seperti jumlah yang dilaporkan. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan ketidaktentuan anggaran dinyatakan dalam Nota 5.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

3. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(b) Usaha Berterusan

Pada tahun berakhir, dana pemegang saham Syarikat mengalami deficit sebanyak RM156,353 dan liabiliti semasa Syarikat melebihi aset semasa sebanyak RM129,830.

Faktor-faktor ini menunjukkan kewujudan ketidakpastian material yang mungkin memberi keraguan yang ketara terhadap keupayaan Syarikat untuk meneruskan sebagai satu usaha berterusan dan dengan itu ia mungkin tidak dapat merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti dalam keadaan biasa perniagaan.

Kesesuaian penyediaan penyata kewangan secara berterusan bergantung kepada keuntungan masa depan dan/atau sokongan kewangan berterusan oleh pengarah dan pemegang saham Syarikat. Para pengarah dan pemegang saham telah bersetuju untuk memberi sokongan kewangan berterusan kepada Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab apabila tiba masanya.

Sekiranya asas usaha berterusan untuk menyediakan penyata kewangan tidak lagi sesuai, pelarasan perlu dibuat untuk mengurangkan nilai semua asset kepada anggaran nilai boleh direalisasikan, dan untuk menyediakan anggaran liabiliti selanjutnya yang mungkin timbul.

Penyata kewangan Syarikat tidak termasuk sebarang pelarasan dan klasifikasi yang berkaitan seperti yang direkodkan dalam aset dan liabiliti yang mungkin perlu jika Syarikat tidak dapat meneruskan usaha berterusan.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING

4.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Aset nyata operasi yang digunakan lebih daripada satu tempoh perakaunan dalam pengeluaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau untuk disewa diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan dimana Syarikat mempunyai kawalan ke atas aset. Aset tersebut termasuk alat ganti utama dan peralatan, diklasifikasikan kepada kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian komponen penting dalam aset yang sedia ada seterusnya akan dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen lama akan ditamatkan pengiktirafan.

Semua hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos hartanah, loji dan peralatan termasuk harga pembeliannya dan mana-mana kos yang secara langsung terlibat dalam memasukan aset ke lokasi semasa dan keadaan yang perlu bagi membolehkan ia beroperasi seperti yang dihasratkan oleh pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembinaan (termasuk peruntukan bagi membaik pulih dan kos pemeriksaan utama) tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Hartanah, loji dan peralatan berikutnya dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Tanah pegangan kekal dan aset modal sedang dalam pelaksanaan tidak disusutnilai tetapi tertakluk kepada ujian rosotnilai jika terdapat sebarang tanda kemerosotan nilai.

Lain-lain hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan pada kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai baki selebihnya sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Komputer	20%
Peralatan pejabat	10%
Pendingin hawa	10%
Papan tanda	10%
Pengubahsuaian	10%
Perabot dan kelengkapan	10%

Pada setiap tarikh akhir pelaporan, nilai sisa dan kaedah susutnilai disemak, dan diselaraskan sekiranya sesuai. Sebarang perubahan dalam anggaran item dilaraskan secara prospektif ke atas baki nilai sisa, bermula dalam tempoh semasa.

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.2 Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah (tanah atau bangunan) yang dipegang oleh pemilik atau oleh pemajak di bawah pajakan kewangan untuk kenaikan modal, untuk mendapatkan sewa atau kedua-duanya.

Hartanah pelaburan direkod pada kos pada pengiktirafan awal. Kos hartanah pelaburan yang dibeli terdiri daripada harga belian dan apa-apa perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dan kos urus niaga lain. Kos hartanah pelaburan yang dibina sendiri terdiri daripada kos pembinaan dan sebarang kos yang secara langsung dikaitkan dengan membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk membolehkannya beroperasi mengikut cara yang ditentukan oleh pihak pengurusan, tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Hartanah pelaburan yang nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha tidak wajar secara berterusan, diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan, dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Sekiranya nilai saksama harta tanah pelaburan tidak lagi sesuai tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, hartanah pelaburan akan diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, sehingga terdapat nilai saksama yang boleh dipercayai. Jumlah yang dibawa hartanah pelaburan pada tarikh pemindahan menjadi kos yang dianggap untuk tujuan perakaunan berikutnya.

Hartanah pelaburan yang nilai saksamanya tidak dapat diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar secara berterusan, diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Tanah pegangan bebas dan hartanah pelaburan dalam pembinaan tidak disusutnilai. Semua hartanah pelaburan lain disusutnilai dengan memperuntukkan jumlah aset yang boleh disusutnilai tolak nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaannya, menggunakan kaedah garis lurus.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, anggaran nilai sisa, anggaran hayat berguna dan kaedah susutnilai dikaji semula untuk sebarang perubahan ketara. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, susutnilai aset dikemaskini secara prospektif.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.3 Inventori

Inventori dinyatakan pada harga lebih rendah di antara kos (ditentukan menggunakan kaedah masuk-dulu, keluar-dulu) dan nilai bersih boleh direalisasikan (dimana anggaran harga jualan ditolak kos yang akan dikenakan untuk pemasaran, jualan dan pengedaran). Kos merangkumi harga belian dan kos secara langsung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa. Bagi barangan perkilangan, kos terlibat adalah kos penukaran buruh dan kos pengeluaran overhead yang tetap dan berubah.

4.4 Tunai dan Setara Tunai

Dasar pengurusan tunai Syarikat adalah untuk menggunakan wang tunai dan baki bank, overdraf bank dan pembiayaan perdagangan jangka pendek untuk menguruskan aliran tunai bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan Syarikat.

4.5 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Rosotnilai aset berlaku apabila nilai dibawa aset syarikat melebihi jumlah yang boleh didapatkan semula.

Pada akhir setiap tarikh pelaporan, Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang tanda aset atau unit penjanaan tunai mungkin mengalami rosotnilai dengan menggunakan maklumat daripada sumber luaran dan dalaman. Jika tanda-tanda ini terhasil, Syarikat menganggar jumlah boleh didapatkan semula aset atau unit penjanaan tunai.

Jika aset individu menjana aliran tunai bebas ia diuji untuk rosotnilai aset sebagai aset tersendiri. Jika aset tidak menjana aliran tunai bebas, ia diuji untuk rosotnilai bersama – sama aset lain dalam unit penjanaan tunai, pada tahap terendah di mana aliran masuk tunai bebas dijana dan dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman.

Nilai boleh didapatkan semula aset atau unit penjanaan tunai adalah nilai lebih tinggi di antara nilai saksama yang ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Syarikat menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual aset atau unit penjanaan tunai dalam hierarki berdasarkan: (i) Harga dalam suatu ikatan perjanjian; (ii) harga pasaran dalam pasaran aktif; dan (iii) anggaran harga pasaran menggunakan maklumat terbaik yang ada. Nilai yang digunakan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran masuk tunai bersih (dengan kadar diskaun yang sesuai) bagi aset atau unit penjanaan tunai, menggunakan bajet yang munasabah dalam masa lima tahun dan ekstrapolasi aliran masuk tunai bagi tempoh selepas lima tahun bajet.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.5 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan (sambungan)

Bagi aset diukur pada model berasaskan kos, sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Untuk unit penjanaan tunai, sebarang kerugian rosotnilai diagihkan kepada aset secara *pro rata* berdasarkan jumlah dibawa aset.

Syarikat menilai semula jumlah yang boleh diperolehi semula bagi aset atau unit penjanaan tunai jika terdapat sebarang tanda bahawa kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin telah terbalik. Mana-mana pembalikan kerugian rosotnilai bagi aset yang dibawa pada model berasaskan kos diiktiraf dalam untung atau rugi, tertakluk kepada had di mana jumlah dibawa disemak semula tidak melebihi jumlah yang mungkin akan ditentukan jika tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini.

4.6 Modal Saham

Saham biasa dan saham utama tidak boleh ditebus yang diterbitkan dengan tiada opsyen dijual dan tiada obligasi kontrak wajib: (i) untuk membayar tunai atau aset kewangan lain; atau (ii) untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan entiti lain dengan syarat ianya berpotensi untuk tidak menguntungkan kepada Syarikat, diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti.

Apabila saham biasa dan instrumen ekuiti lain diterbitkan dalam tawaran persendirian atau terbitan hak kepada pemegang saham sedia ada, ianya direkodkan pada harga terbitan. Untuk saham biasa dan instrumen ekuiti lain yang diterbitkan bagi ditukar dengan aset bukan kewangan, ia diukur dengan merujuk kepada nilai saksama ketika aset diterima.

Apabila saham biasa dan instrumen ekuiti lain diterbitkan sebagai pertimbangan dipindahkan dalam gabungan perniagaan atau sebagai penyelesaian liabiliti kewangan sedia ada, ia diukur pada nilai saksama pada tarikh urus niaga pertukaran. Kos urus niaga dari urus niaga ekuiti diambilkira sebagai pengurangan daripada ekuiti, nilai bersih daripada sebarang kesan cukai pendapatan yang berkaitan.

4.7 Instrumen Kewangan

(b) Pengiktirafan dan Pengukuran Permulaan

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Pada permulaannya instrumen kewangan diiktiraf pada nilai saksama yang secara umumnya adalah harga transaksi ditambah kos transaksi jika aset atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Untuk instrumen kewangan yang diiktiraf pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos-kos urus niaga yang berlaku dimasukkan dalam untung atau rugi.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.7 Instrumen Kewangan (sambungan)

(c) Penamatan Pengiktirafan Instrumen Kewangan

Sesuatu aset kewangan atau sebahagiannya akan tamat diiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan berakhir atau hak kontrak tersebut dipindah kepada pihak lain tanpa menyimpan kawalan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut.

Sesuatu liabiliti kewangan atau sebahagiannya akan tamat diiktiraf apabila, dan hanya apabila kewajipan yang ditentukan dalam kontrak dilaksanakan atau dibatalkan atau tamat tempohnya. Pubahsuaian yang ketara ke atas liabiliti kewangan yang sedia ada dikira sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Bagi tujuan ini, Syarikat mempertimbangkan pubahsuaian adalah ketara jika nilai semasa aliran tunai disemak semula dan didiskaun pada kadar faedah efektif asal berbeza sebanyak 10% atau lebih jika dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti yang asal.

(c) Pengukuran Berikutnya Aset Kewangan

Bagi tujuan pengukuran berikutnya, Syarikat mengklasifikasikan aset kewangannya kepada dua kategori, iaitu: (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi; dan (ii) Aset kewangan pada kos terlunas.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dalam saham keutamaan dan saham biasa diukur pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran aktif, jika dapat diperhatikan, atau selainnya oleh teknik penilaian, tanpa apa-apa potongan untuk kos urus niaga yang mungkin ditanggung atas jualan atau pelupusan lain.

Pelaburan dalam instrumen hutang, sama ada yang disebut harga atau tidak disebut harga, kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak disebut harga dan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan diukur pada kos.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan yang lain adalah tertakluk kepada ujian rosotnilai.

(d) Pengukuran Berikutnya Liabiliti Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.7 Instrumen Kewangan (sambungan)

(e) Pengukuran Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran dalam pasaran aktif, dan jika harga pasaran tidak dapat diperolehi, teknik penilaian dengan andaian yang munasabah dan disokong akan digunakan.

(f) Pengiktirafan Keuntungan dan Kerugian

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan diklasifikasi kepada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ianya berlaku.

Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos terlunas, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila aset kewangan dan liabiliti kewangan tidak diiktiraf atau rosotnilai, dan melalui proses pelunasan instrumen.

(g) Rosotnilai dan Ketidakbolehan Mengutip Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Syarikat mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami rosotnilai. Bukti tersebut termasuk: (i) kesukaran daripada penerbit atau penanggung obligasi; (ii) pelanggaran kontrak, seperti lalai atau melanggar bayaran faedah atau pokok; (iii) memberikan konsesi yang luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan bahawa pelanggan akan muflis atau penyusunan semula kewangan yang lain; (v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) apa-apa data pasaran yang menunjukkan bahawa mungkin ada pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada sekumpulan aset kewangan.

Bagi pinjaman dan penghutang bukan semasa dibawa pada kos terlunas, anggaran aliran tunai yang disemak didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun elaun rugi. Mana-mana pembalikan seterusnya kerugian rosotnilai aset kewangan dibalikkan dalam untung atau rugi dengan pelarasan sama kepada akaun peruntukan kerugian, tertakluk kepada had yang tidak boleh menyebabkan jumlah dibawa yang disemak semula bagi aset kewangan melebihi jumlah yang ditentukan tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.7 Instrumen Kewangan (sambungan)

(g) Rosotnilai dan Ketidakbolehan Mengutip Aset Kewangan (sambungan)

Untuk penghutang jangka pendek, di mana kesan pendiskuaunan adalah tidak material, kerugian rosotnilai diuji bagi setiap penghutang penting sekiranya terdapat sebarang tanda rosotnilai. Penghutang yang penting di mana tiada kerugian rosotnilai diiktiraf dikumpulkan bersama dengan lain-lain penghutang mengikut kelas berdasarkan ciri-ciri risiko kredit dan usia hutang masa lalu. Peruntukan berkelompok dianggarkan untuk kumpulan kelas berdasarkan pengalaman Syarikat dalam nisbah kerugian setiap kelas, dengan mengambil kira keadaan pasaran semasa.

Bagi pelaburan ekuiti tidak disebut harga diukur pada kos ditolak rosotnilai, rosotnilai adalah perbezaan di antara jumlah dibawa aset dan anggaran terbaik (yang semestinya penghampiran) daripada jumlah (yang mungkin sifar) Syarikat menjangka akan menerima untuk aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Syarikat boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

4.8 Pajakan Kewangan dan Operasi

Syarikat mengiktiraf pajakan apabila terdapat perjanjian sama ada dinyatakan dengan jelas sebagai pajakan atau sebaliknya, di mana pemberi pajakan menyampaikan kepada penerima pajakan sebagai balasan untuk suatu bayaran atau bayaran bersiri hak untuk menggunakan aset dalam tempoh masa yang dipersetujui. Pajakan dikelaskan sebagai pajakan kewangan jika ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan. Hakmilik mungkin tidak dipindahkan akhirnya. Semua pajakan lain yang tidak memenuhi kriteria ini dikelaskan sebagai pajakan operasi.

(a) Perakaunan Penerima Pajakan

Syarikat mempermodalkan aset yang dipajak dan liabiliti pajakan dalam pajakan kewangan. Jumlah yang diiktiraf pada permulaan pajakan adalah pada nilai saksama aset yang dipajak atau sekiranya lebih rendah, nilai semasa bayaran minimum pajakan. Kadar diskaun yang digunakan dalam mengira nilai kini bayaran pajakan minimum adalah kadar faedah dalam pajakan sekiranya boleh ditentukan. Jika tidak, kadar pinjaman tambahan penerima pajak digunakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.8 Pajakan Kewangan dan Operasi (sambungan)

(a) Perakaunan Penerima Pajakan (sambungan)

Bayaran pajakan minimum dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak. Caj kewangan diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang jangkamasa pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh dimana ia dilibatkan.

Aset pajakan yang dipermodalkan dikelaskan mengikut jenis aset dan dikira menurut Piawaian berkenaan dalam MPERs. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa penerima pajakan akan mendapat pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusutnilai antara tempoh pajakan dan hayat kegunaannya, yang mana lebih pendek.

(b) Pajakan Operasi

Syarikat tidak mempermodalkan pajakan aset atau mengiktiraf liabiliti pajakan dalam pajakan operasi. Sebaliknya, bayaran pajakan di bawah pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangkamasa pajakan kecuali asas sistematik yang lain adalah lebih sesuai dengan corak masa penggunaannya.

4.9 Aset dan Liabiliti Cukai

Cukai semasa bagi tempoh semasa dan terdahulu belum dibayar, adalah diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa. Jika jumlah yang telah dibayar bagi tempoh semasa dan terdahulu melebihi amaun yang kena dibayar bagi tempoh-tempoh tersebut, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa. Liabiliti (aset) cukai semasa diukur pada amaun yang Syarikat menjangka untuk membayar (memperoleh semula) menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal pada tarikh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh dicukai, kecuali liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibah, atau pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan yang pada masa urus niaga tersebut, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai (atau kerugian cukai). Pengecualian perbezaan pengiktirafan awal termasuk hartanah, loji dan peralatan yang tidak layak untuk elaun modal dan aset tidak ketara yang diperolehi yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.9 Aset dan Liabiliti Cukai (sambungan)

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh kurang hingga ke tahap yang ia berkemungkinan keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh kurang boleh digunakan, kecuali aset cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai (atau kerugian cukai). Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuk geran tanpa cukai kerajaan yang diterima dan elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan ke atas hartanah, loji dan peralatan yang layak.

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kerugian cukai belum digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai belum digunakan hingga ke tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh diserap. Kredit cukai yang tidak digunakan tidak termasuk elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan belum diserap kerana Syarikat menganggap ini sebagai sebahagian daripada perbezaan pengiktirafan awal.

Cukai tertunda diukur menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh laporan. Pengukuran cukai tertunda mencerminkan akibat cukai yang akan mengikut dari cara di mana Syarikat itu menjangka, pada akhir tempoh pelaporan, untuk mendapatkan atau menyelesaikan amaun dibawa aset atau liabilitinya. Bagi hartanah pelaburan diukur pada nilai saksama, Syarikat tidak mempunyai model perniagaan untuk memegang harta itu semata-mata untuk pendapatan sewa, dan dengan itu, liabiliti cukai tertunda pada keuntungan nilai saksama adalah diukur berdasarkan kepada anggapan bahawa harta itu kembali melalui jualan pada akhir tempoh laporan.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, jumlah dibawa aset cukai tertunda disemak semula dan dikurangkan hingga ke tahap ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan manfaat sebahagian atau semua aset cukai tertunda digunakan. Sebarang pengurangan demikian akan dibalikkan setakat yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia. Cukai semasa atau tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut. Untuk perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, kesan cukai berkaitan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.10 Manfaat Pekerja

Syarikat mengiktiraf liabiliti apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa hadapan dan perbelanjaan apabila Syarikat menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

(a) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah dan gaji terakru dan dibayar pada setiap bulan diiktiraf sebagai perbelanjaan, kecuali ia berkaitan dengan kos menghasilkan inventori atau aset lain.

Ketidakhadiran berbayar (cuti tahunan, cuti bersalin, cuti isteri bersalin, cuti sakit, dan lain-lain) adalah diakrukan bagi setiap tempoh jika bayaran ketidakhadiran terkumpul boleh dibawa ke hadapan, atau dalam hal ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul, diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Manfaat Selepas Bersara-Pelan Caruman Tetap

Syarikat membuat caruman berkanun kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan dan sumbangan yang dibuat dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana ia berkaitan. Apabila caruman telah dibayar, Syarikat tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran.

4.11 Peruntukan

Syarikat mengiktiraf liabiliti sebagai peruntukan jika aliran keluar diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan itu tidak pasti jangka masa atau jumlah.

Peruntukan untuk kos jaminan, kos pemulihan, kos menyekat kontrak membebaskan atau tuntutan mahkamah diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lalu, dan sumber aliran keluar untuk penyelesaian adalah berkemungkinan dan anggaran jumlah yang munasabah boleh dibuat. Tiada peruntukan diiktiraf jika syarat-syarat ini tidak dipenuhi.

Sebarang pembayaran balik disebabkan oleh peruntukan yang diiktiraf daripada pihak bertentangan (seperti penanggung insurans) tidak dihapuskan melalui peruntukan tetapi diiktiraf secara berasingan sebagai aset apabila, dan hanya apabila, pembayaran semula adalah pasti.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.11 Peruntukan (*sambungan*)

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada akhir tempoh pelaporan. Untuk peruntukan jaminan, keputusan jangkaan kebarangkalian berwajaran diperlukan untuk menyelesaikan obligasi digunakan, dengan mengambil kira pengalaman Syarikat dalam urus niaga yang serupa dan ditambah dengan fakta dan keadaan semasa. Bagi peruntukan pemulihan di mana satu obligasi yang diukur, Syarikat menggunakan hasil yang paling mungkin sebagai anggaran terbaik bagi liabiliti dengan merujuk kepada harga semasa caj yang dikenakan oleh kontraktor untuk melaksanakan obligasi itu. Bagi kontrak yang membebankan, peruntukan diukur berdasarkan jumlah yang mana kos untuk memenuhi kontrak melebihi manfaat.

Bagi peruntukan tuntutan mahkamah, keputusan jangkaan kebarangkalian berwajaran digunakan dalam pengukuran, dengan mengambil kira penghakiman mahkamah masa lalu yang dibuat dalam kes-kes serupa dan nasihat daripada pakar perundangan. Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar diskaun yang mencerminkan nilai masa wang dan risiko bahawa keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Penamatan diskaun adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

4.12 Kos Pinjaman

Kos pinjaman Syarikat termasuk faedah ke atas pinjaman, liabiliti pajakan kewangan dan perbelanjaan faedah instrumen hutang lain yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif. Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila berlaku.

4.13 Pengiktirafan dan Pengukuran Pendapatan

Syarikat mengukur pendapatan daripada jualan barangan atau transaksi perkhidmatan pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau boleh diterima, yang biasanya harga invois selepas ditolak diskaun dagangan dan rebet yang diberikan kepada pelanggan dalam urus niaga jualan atau perkhidmatan.

Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila: (i) Syarikat telah memindahkan kepada pembeli risiko dan ganjaran pemilikan barang-barang; (ii) Syarikat tidak mengekalkan penglibatan pengurusan berterusan untuk ke tahap biasanya dikaitkan dengan pemilikan atau kawalan yang berkesan ke atas barangan yang dijual; (iii) amaun pendapatan boleh diukur dengan pasti; (iv) terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi berkaitan dengan transaksi berpindah kepada Syarikat; dan (v) kos yang ditanggung atau akan ditanggung berkenaan dengan transaksi tersebut boleh diukur dengan pasti.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

4. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

4.13 Pengiktirafan dan Pengukuran Pendapatan (sambungan)

Bagi perkhidmatan pembinaan atau perkhidmatan kontrak hartanah dengan pelanggan yang dilakukan dari masa ke masa, apabila keputusan kontrak boleh dianggarkan dengan pasti, pendapatan diiktiraf dari masa ke masa dengan merujuk kepada peringkat penyediaan kontrak pada akhir tempoh pelaporan. Kaedah yang digunakan untuk mengukur peringkat penyediaan ialah pembahagian kos terlibat hingga kini kepada anggaran jumlah kos kontrak. Apabila keputusan kontrak perkhidmatan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, pendapatan diiktiraf hanya setakat perbelanjaan yang diiktiraf, yang boleh diperolehi semula.

Pendapatan lain Syarikat diiktiraf menggunakan asas berikut:

- (a) Pendapatan faedah daripada instrument hutang diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif
- (b) Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan diiktiraf menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh perjanjian sewa, dan
- (c) Dividen daripada pelaburan ekuiti diiktiraf apabila hak syarikat sebagai pemegang saham penerima pelaburan terhasil iaitu semasa tarikh dividen dikuatkuasakan.

5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

5.1 Pertimbangan dan Andaian Yang Digunakan

Dalam pemilihan dasar perakaunan Syarikat, bahagian yang memerlukan pertimbangan dan andaian adalah dalam klasifikasi pajakan kewangan dan operasi serta klasifikasi harta sebagai pelaburan hartanah, loji dan peralatan.

(a) Klasifikasi Pajakan Kewangan dan Pajakan Operasi

Syarikat mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi berdasarkan kriteria sejauh mana risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset. Sebagai penerima pajak, Syarikat mengiktiraf pajakan sebagai pajakan kewangan jika ia terdedah kepada risiko dan ganjaran yang ketara akibat dari pemilikan aset berkenaan. Dalam menggunakan pertimbangan, Syarikat mempertimbangkan sama ada terdapat insentif ekonomi yang penting untuk melaksanakan pilihan pembelian dan sebarang tempoh pembaharuan pilihan. Pajakan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan jika jangka masa pajakan adalah untuk sekurang-kurangnya 75% kehidupan ekonomi aset berkenaan, nilai kini bayaran pajakan adalah sekurang-kurangnya 90% daripada nilai saksama aset berkenaan atau aset yang dikenal pasti dalam pajakan adalah aset khusus yang hanya boleh digunakan secara berkesan oleh penerima pajak.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

**5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN
(SAMBUNGAN)**

5.1 Pertimbangan dan Andaian Yang Digunakan (*sambungan*)

(a) Klasifikasi Pajakan Kewangan dan Pajakan Operasi (*sambungan*)

Semua pajakan lain yang tidak mengakibatkan perpindahan ketara risiko dan ganjaran diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

Syarikat mengklasifikasikan pajakan tanah sebagai pajakan kewangan jika nilai saksama tanah pegangan pajak adalah 90% atau lebih daripada nilai saksama tanah pegangan bebas yang setara atau jika tempoh pajakan, yang ditentukan pada permulaan pajakan, adalah 50 tahun atau lebih. Pajakan tanah yang tidak memenuhi mana-mana kriteria ini dikelaskan sebagai pajakan operasi.

(b) Klasifikasi Pelaburan Hartanah

Hartanah tertentu terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau peningkatan modal atau untuk kedua-duanya, manakala bakinya dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan / atau peningkatan modal boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan), Syarikat mengira bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan / atau peningkatan modal tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, ia diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan hanya jika sebahagian kecil harta dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau bekalan atau barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menentukan sama ada apa-apa perkhidmatan sampingan adalah penting untuk tidak melayakkan harta tersebut sebagai hartanah pelaburan.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

**5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN
(SAMBUNGAN)**

5.2 Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Bahagian yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran ketara Syarikat adalah dalam mengukur:

(a) Pengukuran Peruntukan

Syarikat menggunakan "anggaran terbaik" sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pihak pengurusan menilai anggaran berdasarkan pengalaman lampau Syarikat dan input lain atau andaian, perkembangan semasa dan peristiwa masa depan yang munasabah dalam hal keadaan tertentu. Dalam kes apabila peruntukan yang berkaitan dengan populasi pelanggan yang besar (seperti peruntukan jaminan), anggaran kebarangkalian wajaran aliran keluar diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu digunakan. Dalam hal anggaran tunggal (seperti peruntukan untuk kos pemulihan alam sekitar), harga pasaran atau harga kontraktor yang dirujuk digunakan sebagai anggaran terbaik. Jika obligasi adalah untuk diselesaikan dari masa ke semasa, aliran keluar dijangka didiskaun pada kadar yang mengambil kira nilai masa wang dan risiko bahawa keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini akan membawa kesan yang besar ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Syarikat.

(b) Menentukan Nilai Dalam Penggunaan

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan aset sendiri atau unit penajaan tunai, pihak pengurusan menggunakan input yang munasabah dan disokong tentang jualan, kos jualan dan perbelanjaan lain berdasarkan pengalaman lalu, peristiwa-peristiwa semasa dan perkembangan masa depan yang munasabah. Aliran tunai diunjur berasaskan kepada input dan didiskaunkan pada kadar diskaun yang sesuai. Hasil atau peristiwa sebenar mungkin tidak bertepatan dengan input atau andaian dan kadar diskaun yang digunakan dalam pengukuran, dan ini akan membawa kesan yang besar ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Syarikat.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.

(Diperbadankan di Malaysia)

**5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN
(SAMBUNGAN)**

1.2 Ketidakpastian Anggaran (*sambungan*)

(c) Rosotnilai atau Hapuskira Inventori Lama

Syarikat menghapuskira inventori lama melalui penilaian nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Inventori dihapuskira apabila peristiwa dan keadaan menunjukkan nilai dibawa mungkin tidak dapat diperolehi semula. Pihak pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menganalisis corak jualan lepas dan keadaan ekonomi semasa untuk menilai kerugian rosotnilai inventori lama. Kerugian rosotnilai sebenar hanya boleh disahkan dalam apa-apa jualan berikutnya dan ini mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat sebelum ini. Ini boleh menjejaskan kedudukan kewangan dan keputusan Syarikat.

(d) Elaun Kerugian Aset Kewangan

Syarikat mengiktiraf kerugian kemerosotan nilai bagi pinjaman dan penghutang menggunakan model kerugian ditanggung. Penghutang dan pinjaman penting diuji kemerosotan nilainya secara berasingan dengan menganggarkan aliran tunai yang dapat diperolehi semula. Lain-lain pinjaman dan penghutang dikategorikan ke dalam kelas risiko kredit dan diuji untuk kemerosotan nilai secara kolektif, dengan menggunakan pengalaman lepas statistik kerugian Syarikat, usia amaun tertunggak dan corak ekonomi semasa. Kerugian yang sebenar mungkin berbeza daripada elaun dibuat dan ini boleh menjejaskan kedudukan kewangan dan keputusan Syarikat.

(e) Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau satu kaedah sistematik yang lain yang mencerminkan penggunaan manfaat ekonomi aset sepanjang hayat kegunaannya. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susutnilai, hayat kegunaan dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

No. Syarikat: 200901021178 (864275 - X)

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Komputer	Peralatan pejabat	Penghawa dingin	Papan tanda	Pengubahsuaian	Perabot dan kelengkapan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Nilai kasar yang dibawa							
Pada 1 Januari 2023	10,188	19,922	7,800	8,340	19,260	7,559	73,069
Pertambahan	-	85	-	-	-	-	85
Pelupusan	-	(613)	-	-	-	-	(613)
Pada 31 Disember 2023	10,188	19,394	7,800	8,340	19,260	7,559	72,541

Susutnilai dan

kerugian rosotnilai

Pada 1 Januari 2023	7,407	16,102	7,648	2,088	19,259	6,332	58,836
Caj bagi tahun semasa	1,016	1,298	149	658	-	600	3,721
Pelupusan	-	(611)	-	-	-	-	(611)
Pada 31 Disember 2023	8,423	16,789	7,797	2,746	19,259	6,932	61,946

Nilai buku bersih

Pada 31 Disember 2022	2,781	3,820	152	6,252	1	1,227	14,233
Pada 31 Disember 2023	1,765	2,605	3	5,594	1	627	10,595

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.*(Diperbadankan di Malaysia)***7. INVENTORI**

Inventori terdiri daripada barangan farmasi dan barangan berkaitan. Jumlah inventori yang diiktiraf sebagai kos jualan berjumlah RM55,294 (2023: RM40,739).

8. PENGHUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN

	2024	2023
	RM	RM
Penghutang dagangan	2,256	2,700
Lain-lain penghutang	350,957	351,608
	<u>353,213</u>	<u>354,308</u>
Tolak: Peruntukan hutang ragu*	(105,963)	(70,642)
	<u>247,250</u>	<u>283,666</u>

Semua penghutang jangka pendek, termasuk penghutang pihak berkaitan, diukur pada jumlah tidak didiskaun kerana kesan diskaun tidak ketara.

	2024	2023
	RM	RM
Peruntukan hutang ragu*		
Pada 1 Januari	70,642	35,321
Peruntukan tahun semasa	35,321	35,321
Pada 31 Disember	<u>105,963</u>	<u>70,642</u>

9. DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU

	2024	2023
	RM	RM
Bayaran terdahulu	-	1,908
	<u>-</u>	<u>1,908</u>

10. TUNAI DAN SETARA TUNAI

	2024	2023
	RM	RM
Tunai dan baki bank	155,214	189,116
	<u>155,214</u>	<u>189,116</u>

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

11. MODAL SAHAM

	2024		2023	
	Bilangan	RM	Bilangan	RM
Diterbitkan dan dibayar penuh				
Pada 1 Januari	300,000	300,000	300,000	300,000
Penerbitan saham secara tunai	-	-	-	-
Pada 31 Disember	<u>300,000</u>	<u>300,000</u>	<u>300,000</u>	<u>300,000</u>

12. PINJAMAN SYARIKAT INDUK

	2024	2023
	RM	RM
Tak semasa		
Pinjaman berjangka 1 - bercagar	<u>36,121</u>	<u>36,121</u>
	<u>36,121</u>	<u>36,121</u>
Semasa		
Pinjaman berjangka 1 - bercagar	<u>33,328</u>	<u>33,328</u>
	<u>33,328</u>	<u>33,328</u>
Jumlah pinjaman syarikat induk	<u>69,449</u>	<u>69,449</u>

Pinjaman berjangka 1 telah diperolehi daripada syarikat induk berjumlah RM100,000 (2022: RM100,000). Pinjaman berjangka ini bertujuan untuk membiayai keperluan modal kerja Syarikat. Pinjaman berjangka ini mempunyai kadar faedah sebanyak RM10,500 dalam tempoh 3 tahun.

13. LIABILITI CUKAI TERTUNDA

	2024	2023
	RM	RM
Perbezaan sementara bercukai:		
- Hartanah, loji dan peralatan	<u>997</u>	<u>1,444</u>
Pada 1 Januari	1,444	1,585
Diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif (Nota 17)	<u>(447)</u>	<u>(141)</u>
Pada 31 Disember	<u>997</u>	<u>1,444</u>

Pengurangan dalam liabiliti cukai tertunda dalam tahun semasa adalah disebabkan oleh perbelanjaan susutnilai yang melebihi tuntutan elaun modal.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

14. PEMIUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN

	2024	2023
	RM	RM
Pemiutang dagangan	-	111
Lain-lain pemiutang dan akruan	5,562	11,956
Pendahuluan daripada pihak berkaitan	500,000	500,000
Deposit diterima	-	400
	<u>505,562</u>	<u>512,467</u>

Pendahuluan daripada pihak berkaitan adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan dibayar balik atas permintaan. Semua pemiutang jangka pendek diukur pada jumlah tidak didiskaun kerana kesan diskaun tidak ketara.

15. PENDAPATAN

	2024	2023
	RM	RM
Jualan - farmasi	47,924	58,225
Perkhidmatan - pelancongan	45,886	9,450
Pulangan perkhidmatan - pelancongan	(12,140)	(17,862)
	<u>81,670</u>	<u>49,813</u>

Hasil jualan farmasi merujuk kepada nilai invoice bagi barangan farmasi yang dijual manakala hasil perkhidmatan merujuk kepada nilai invoice bagi perkhidmatan pelancongan yang disediakan.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

16. KERUGIAN SEBELUM CUKAI

Perbelanjaan berikut telah dikenakan / (dikreditkan) sebelum mencapai kerugian sebelum cukai:

	2024	2023
	RM	RM
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	2	-
Perbelanjaan manfaat pekerja	30,659	68,359
Perbelanjaan sewa	1,200	3,600
Peruntukan hutang ragu	35,321	35,321
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3,721	3,382
Yuran audit	3,000	4,100
Sewa diterima	(13,000)	(12,550)
Wang kecurian dikembalikan	-	(30,870)
	<u>-</u>	<u>(30,870)</u>

Termasuk dalam perbelanjaan faedah pekerja adalah jumlah imbuhan pengarah sebanyak RM3,000 (2023: RM4,560).

17. PERBELANJAAN CUKAI

	2024	2023
	RM	RM
Pendapatan bercukai semasa:		
Cukai tahun semasa	-	-
Kurangan peruntukan cukai tahun lepas	-	-
Pendapatan cukai tertunda disebabkan perubahan kadar cukai pendapatan (Nota 13)	-	-
Belanja cukai tertunda berkaitan perbezaan sementara yang asal (Nota 13)	(447)	(141)
Pendapatan bercukai disebabkan perubahan kadar cukai pendapatan	-	-
Jumlah pendapatan bercukai tahun semasa	<u>(447)</u>	<u>(141)</u>

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.*(Diperbadankan di Malaysia)***17. PERBELANJAAN CUKAI (SAMBUNGAN)**

Perbezaan di antara perbelanjaan cukai dan kerugian perakaunan didarab dengan kadar cukai berkanun adalah disebabkan oleh kesan cukai daripada perkara berikut:

	2024	2023
	RM	RM
Kerugian sebelum cukai	<u>(98,891)</u>	<u>(84,616)</u>
Cukai pada kadar cukai 15%	(14,834)	(12,692)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	968	1,199
Pendapatan tidak dikenakan cukai	-	(9,485)
Kesan pendapatan disifatkan	-	-
Penggunaan kerugian cukai belum diguna dan elaun modal belum diserap tahun-tahun lepas	-	21,531
Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dalam tahun semasa	13,419	-
Lebih liabiliti cukai tertunda tahun sebelumnya	-	(694)
Pendapatan cukai tertunda disebabkan perubahan kadar cukai pendapatan	-	-
Kurangan cukai tahun sebelumnya	-	-
Perbelanjaan cukai tahun semasa	<u>(447)</u>	<u>(141)</u>
Elaun modal belum diguna dibawa ke hadapan	<u>24,176</u>	<u>23,433</u>
Kerugian cukai belum diserap dibawa ke hadapan	<u>333,810</u>	<u>245,092</u>

Disebabkan ketidakpastian keuntungan pada masa depan, aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi elaun modal tidak diserap dan kerugian cukai yang tidak digunakan.

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

18. INSTRUMEN KEWANGAN

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas seperti berikut:

	Kos terlunas RM	Nilai dibawa RM
2024		
<u>Aset Kewangan</u>		
Penghutang dagangan dan lain-lain	247,250	247,250
Tunai dan setara tunai	155,214	155,214
Jumlah aset kewangan	<u>402,464</u>	<u>402,464</u>
<u>Liabiliti Kewangan</u>		
Pemiutang dagangan dan lain-lain	505,562	505,562
Pinjaman syarikat induk	69,449	69,449
Jumlah liabiliti kewangan	<u>575,011</u>	<u>575,011</u>
2023		
<u>Aset Kewangan</u>		
Penghutang dagangan dan lain-lain	283,666	283,666
Deposit dan bayaran terdahulu	1,908	1,908
Tunai dan setara tunai	189,116	189,116
Jumlah aset kewangan	<u>474,690</u>	<u>474,690</u>
<u>Liabiliti Kewangan</u>		
Pemiutang dagangan dan lain-lain	512,467	512,467
Pinjaman syarikat induk	69,449	69,449
Jumlah liabiliti kewangan	<u>581,916</u>	<u>581,916</u>

19. PIHAK-PIHAK BERKAITAN

a) Pihak mengawal

Pemegang saham yang mengawal Syarikat adalah Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad.

b) Pampasan kakitangan pengurusan utama

	2024 RM	2023 RM
Jumlah transaksi	<u>3,000</u>	<u>4,560</u>

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.*(Diperbadankan di Malaysia)***19. PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)****c) Jualan kepada:**

	2024	2023
	RM	RM
Entiti yang dikawal oleh pemegang saham yang mengawal	5,098	4,410
Jumlah transaksi	<u>5,098</u>	<u>4,410</u>

Jualan barangan farmasi kepada pihak berkaitan telah dilaksanakan pada harga pasaran semasa yang berkuat kuasa pada tarikh transaksi urus niaga perniagaan biasa Syarikat. Tiada baki tertunggak berkaitan dengan jualan tersebut pada akhir tahun (2023: RM Nil).

d) Perkhidmatan diberikan kepada:

	2024	2023
	RM	RM
Entiti yang dikawal oleh pemegang saham yang mengawal	45,886	-
Jumlah transaksi	<u>45,886</u>	<u>-</u>

Pihak syarikat telah menyediakan perkhidmatan pelancongan kepada pihak berkaitan dan merekodkan transaksi tersebut pada harga semasa pada tarikh urus niaga dijalankan. Tiada baki tertunggak berkaitan pendapatan perkhidmatan pelancongan pada akhir tahun (2023: RM Nil).

e) Belian daripada:

	2024	2023
	RM	RM
Entiti yang dikawal oleh pemegang saham yang mengawal	800	-
Jumlah transaksi	<u>800</u>	<u>-</u>

Pembelian barangan farmasi telah dilakukan pada harga semasa yang berkuat kuasa pada tarikh pembelian. Tempoh kredit bagi pembelian adalah antara 1 - 2 bulan. Tiada baki tertunggak berkaitan dengan pembelian barangan farmasi pada akhir tahun (2023: RM Nil).

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.
(Diperbadankan di Malaysia)

19. PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

f) Perkhidmatan daripada:

	2024	2023
	RM	RM
Entiti yang dikawal oleh pemegang saham yang mengawal	1,200	3,600
Jumlah transaksi	<u>1,200</u>	<u>3,600</u>

Pihak syarikat telah menerima perkhidmatan sewa pejabat daripada pihak berkaitan pada caj bulanan tetap. Tiada baki tertunggak berkaitan perkhidmatan sewa pejabat pada akhir tahun (2023: RM Nil).

Selain daripada urus niaga pihak berkaitan di atas yang dibentangkan dalam agregat kerana jenis mereka sama, urus niaga pihak berkaitan yang direkodkan sepanjang tahun ini dan tahun sebelumnya adalah seperti berikut:

	Jumlah transaksi	Baki tertunggak semasa tahun berakhir	Cara pembayaran
	RM	RM	
<u>Pada 31 Disember 2024</u>			
Pendahuluan daripada entiti yang dikawal oleh pemegang saham yang mengawal	-	500,000	Tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu bayar balik atas permintaan
<u>Pada 31 Disember 2023</u>			
Pendahuluan daripada entiti yang dikawal oleh pemegang saham yang mengawal	(19,375)	500,000	Tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu bayar balik atas permintaan

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.*(Diperbadankan di Malaysia)***PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERPERINCI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	2024	2023
	RM	RM
PENDAPATAN		
Jualan - farmasi	47,924	58,225
Perkhidmatan - pelancongan	45,886	9,450
Pulangan perkhidmatan - pelancongan	<u>(12,140)</u>	<u>(17,862)</u>
	<u>81,670</u>	<u>49,813</u>
Tolak: KOS JUALAN		
Stok awal	42,612	8,722
Belian - farmasi	25,362	74,629
Kos pengangkutan	-	28,490
Kos ejen pelancongan	43,996	-
Stok akhir	<u>(12,680)</u>	<u>(42,612)</u>
	<u>99,290</u>	<u>69,229</u>
RUGI KASAR	(17,620)	(19,416)
PENDAPATAN LAIN		
Hibah	238	345
Komisen diterima	370	2,245
Pendapatan lain-lain	-	32,788
Sewa diterima	13,000	12,550
Wang kecurian dikembalikan	<u>-</u>	<u>30,870</u>
	<u>13,608</u>	<u>78,798</u>
MANFAAT PEKERJA	(30,659)	(68,359)
PERBELANJAAN PENTADBIRAN LAIN	(64,220)	(75,639)
RUGI SEBELUM CUKAI	<u>(98,891)</u>	<u>(84,616)</u>

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.*(Diperbadankan di Malaysia)***PERBELANJAAN TERPERINCI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	2024	2023
	RM	RM
MANFAAT PEKERJA		
Imbuan pengarah		
Elaun	3,000	4,560
Kos kakitangan		
Gaji, upah dan elaun	23,553	54,389
Bonus	600	1,329
KWSP	3,010	7,039
PERKESO	400	935
SIP	46	107
Kursus dan seminar	50	-
	<u>30,659</u>	<u>68,359</u>
PERBELANJAAN PENTADBIRAN LAIN		
Caj bank	138	144
Cukai perkhidmatan	953	831
Denda dan penalti	1,073	1,502
Elektrik dan air	3,715	7,191
Kawalan serangga	-	1,399
Keraian	835	341
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	2	-
Kurier, percetakan dan pos	978	870
Lain-lain yuran setiausaha	2,578	1,715
Lesen dan pendaftaran	1,158	2,028
Pembaikan dan penyelenggaraan	160	1,665
Pengiklanan	-	283
Penyelenggaraan farmasi	1,711	401
Penyelenggaraan komputer	-	800
Perjalanan dan pengangkutan	368	353
Peruntukan hutang ragu	35,321	35,321
Sewa pejabat	1,200	3,600
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3,721	3,382
Telefon dan internet	1,509	3,113
<i>Baki dihantar ke hadapan</i>	55,420	64,939

KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD.*(Diperbadankan di Malaysia)***PERBELANJAAN TERPERINCI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)**

	2024	2023
	RM	RM
PERBELANJAAN PENTADBIRAN LAIN (SAMBUNGAN)		
<i>Baki dibawa ke hadapan</i>	55,420	64,939
Yuran akaun	3,000	3,500
Yuran audit	3,000	4,100
Yuran percukaian	1,600	1,900
Yuran setiausaha	1,200	1,200
	<u>64,220</u>	<u>75,639</u>
JUMLAH PERBELANJAAN	<u>94,879</u>	<u>143,998</u>

ANGGARAN PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN BAGI KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD. KAKIB 2026

	2025 RM	2026 RM
PERBELANJAAN		
Gaji & Elaun (3 orang pekerja)	19,209.00	0.00
KWSP	3,080.00	0.00
PERKESO	768.00	0.00
SIP	50.00	0.00
Jumlah	23,107.00	0.00
Pelbagai Perbelanjaan		
Alatulis & Percetakan	1,200.00	1,200.00
Bayaran Perakaunan	1,200.00	1,200.00
Bayaran Audit	3,500.00	3,500.00
Fi Setiausaha Syarikat	1,600.00	1,600.00
Lesen	1,500.00	0.00
Bil Elektrik/Air/Telefon & Internet	2,800.00	0.00
Bil Mesin Fotostat / Pos & Setem	1,500.00	0.00
Sewa Pejabat	3,600.00	0.00
Jamuan & Keraian	1,000.00	0.00
Caj Bank	500.00	0.00
Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat & Pengurus	1,520.00	0.00
Elaun Kursus	2,000.00	0.00
Elaun Perwakilan Biro Jawatankuasa	1,500.00	0.00
Denda dan penalti	0.00	0.00
Kawalan Serangga	0.00	0.00
Cukai Perkhidmatan	500.00	0.00
Pengiklanan	500.00	0.00
Penyelenggaraan Komputer	500.00	0.00
Pembaikan & Penyelenggaraan Bangunan	3,000.00	0.00
Peruntukkan Hutang Ragu	35,321.00	0.00
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3,382.00	0.00
Yuran Percukaian	1,900.00	0.00
Perjalanan dan pengangkutan	400.00	0.00
Jumlah	68,923.00	7,500.00
Jumlah Keseluruhan	92,030.00	7,500.00

	2025 RM	2026 RM
PENDAPATAN		
Jualan	240,000.00	0.00
(-) Kos Jualan - 70%	168,000.00	0.00
(-) Pulangan Jualan		
(+) Lain-lain pendapatan		
Untung Kasar	72,000.00	0.00
(-) Pelbagai Perbelanjaan	92,030.00	7,500.00
Untung Bersih	-20,030.00	-7,500.00

CADANGAN PENUTUPAN SUBSIDIARI KAKIB TRAVEL & TOURS MANAGEMENT SDN. BHD.

Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) telah menubuhkan subsidiarinya iaitu KAKIB Safar Travel & Tours Sdn. Bhd. (864275-x) melalui pengambilalihan dari KOMAS Safar Travel & Tours Sdn. Bhd. (KSTT) yang menjalankan perniagaan pelancongan. Pembelian syarikat ini telah dibuat dari Tuan Haji Mohamed bin Jamaludin dengan kos sebanyak RM115,000.00 melalui perjanjian yang telah ditandatangani pada 01.11.2018. Penubuhan subsidiari ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 93 pada 08.07.2018 dan mendapat kelulusan Pemilikan Subsidiari dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 14.02.2020.

Pengambilalihan syarikat ini oleh KAKIB pada awalnya adalah bertujuan bagi mempelbagaikan aktiviti-aktiviti perniagaan untuk meningkatkan sumber pendapatan koperasi dan tidak hanya tertumpu kepada Aktiviti Kredit sahaja.

Walau bagaimanapun, semasa pengoperasian KSTT (Pelancongan) terdapat pelbagai masalah yang dihadapi terutama dari segi pengurusannya. Bagi mengelakkan subsidiari KAKIB mengalami kerugian berterusan, Anggota Lembaga KAKIB telah menambah bidang aktiviti yang baru iaitu perniagaan farmasi pada tahun 2021 dengan kerjasama MyANGKASA Farmasi. Dalam tahun yang sama juga, subsidiari ini telah dijenamakan semula sebagai KAKIB Travel Tours & Management Sdn. Bhd. (KTTM).

Pelbagai usaha yang gigih telah diambil untuk memulihkan perniagaan subsidiari ini, namun begitu ia masih mencatatkan kerugian yang berterusan. Justeru itu, Lembaga Pengarah Syarikat KTTM telah bermesyuarat pada 18.04.2025 dan mencadangkan kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk menutup keseluruhan operasi syarikat.

Pada Mesyuarat Anggota Lembaga Bil.4/2025 bertarikh 29.04.2025, Anggota Lembaga Koperasi telah bersetuju supaya perkara ini diangkat sebagai cadangan ke MAT 99 bagi mendapatkan mandat Mesyuarat Agung.

JUSTIFIKASI CADANGAN PENUTUPAN KAKIB TRAVEL TOURS & MANAGEMENT SDN. BHD. (KTTM)

1. ALK bertindak selaras dengan seksyen 45 (1) Akta Koperasi 1993

Seksyen 45. (1) – “Dalam perjalanan hal ehwal suatu koperasi, anggota Lembaga koperasi itu hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta ini, peraturan-peraturan, perintah atau undang undang kecil koperasi itu atau arahan mesyuarat agungnya”.

1.1 Jika perniagaan ini diteruskan, KAKIB selaku pemilik akan menerima impak kewangan yang tidak baik. Sehubungan itu, ALK berpendapat bahawa cadangan penutupan ini adalah wajar dan tepat demi memastikan KAKIB tidak menanggung risiko kerugian yang berterusan.

2. **Jumlah kerugian terkumpul yang telah diaudit sehingga 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM456,353.00**
 - 2.1 Pengurusan pelancongan dan farmasi yang tidak cekap serta pengurusan kewangan yang tidak telus diawal pengoperasian telah menyumbang kepada kerugian yang berterusan.
 - 2.2 Keuntungan yang tidak setimpal dengan pendapatan.
 - 2.3 Perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dapat dibuktikan secara sah seperti penemuan oleh JAD KAKIB.
 - 2.4 Rekod terimaan yang tidak sempurna dan bercanggah dengan baki tunai sebenar di bank.
3. **Rakan niaga (MyAngkasa Farmasi) yang tidak memberikan kerjasama sepenuhnya dan tidak bertindak melaksanakan tanggungjawab seperti yang telah dipersetujui bersama di dalam perjanjian/kontrak**
 - 3.1 Perjanjian yang berat sebelah.
 - 3.2 Kegagalan pihak MyAngkasa Farmasi untuk membekalkan stok seperti yang dipesan.
 - 3.3 Tidak mengambil tindakan diatas aduan yang dibuat oleh pihak KTTM.
 - 3.4 Stok yang hampir tarikh luput/telah luput tidak diambil tindakan oleh pihak MyAngkasa Farmasi.
 - 3.5 Pihak MyAngkasa Farmasi tidak menyediakan Pegawai Farmasi seperti yang telah dipersetujui.
4. **Kekangan modal untuk terus beroperasi**
 - 4.1 Terdapat perubahan dasar terkini dari segi peraturan dan perundangan untuk bidang pelancongan yang memerlukan RM400,000.00 sebagai modal pusingan sepertimana ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC).
 - 4.2 Kesukaran untuk KAKIB menyuntik modal dan memberi pembiayaan kepada subsidiari untuk menjalankan perniagaan kerana ianya perlu mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) terlebih dahulu.

KESIMPULAN

Berdasarkan justifikasi di atas, Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan supaya usul penutupan subsidiari ini disokong.

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN KAKIB DALAM TEMPOH 10 TAHUN (2015 - 2024)

Tahun	Bilangan Anggota	Modal Yuran Anggota	Modal Syer Anggota	Pembiayaan Diberi	Untung Bersih	Peratus Dividen	Dividen Yuran	Peratus Syer	Dividen Syer	Derma Pelajaran	Saguhati Anggota Bersara	Khairat Kematian
2015	6750	67,632,098.29	1,837,312.01	37,448,380.62	5,873,132.61	6.5%	4,132,384.84	8.0%	139,795.59	52,100.00	117,630.00	102,500.00
2016	6667	67,632,098.29	1,856,374.94	43,716,418.14	6,208,308.18	6.8%	4,368,480.92	8.0%	143,904.95	46,550.00	145,050.00	119,000.00
2017	6665	68,458,612.18	1,945,199.60	53,324,041.34	6,622,258.47	7.0%	4,524,202.16	8.0%	147,108.24	48,750.00	110,180.00	151,500.00
2018	6623	70,076,035.42	1,977,494.98	54,296,168.03	7,001,210.37	7.1%	4,639,654.82	8.0%	149,781.15	70,700.00	118,570.00	117,500.00
2019	6664	71,486,879.41	2,079,119.42	71,024,020.92	7,463,674.87	7.1%	4,814,864.03	8.0%	156,801.31	57,650.00	102,390.00	133,000.00
2020	6597	73,486,788.63	2,249,725.33	49,367,534.33	6,844,032.32	7.1%	4,885,113.89	8.0%	166,522.15	42,350.00	82,270.00	100,500.00
2021	6547	75,051,297.54	2,385,852.16	45,602,167.28	6,641,989.68	7.0%	5,016,512.52	8.0%	180,188.61	40,250.00	106,262.00	125,000.00
2022	6516	77,605,695.56	2,538,896.72	64,978,541.31	6,446,301.69	6.1%	4,510,603.00	8.0%	197,539.00	40,450.00	79,260.00	94,000.00
2023	6504	79,250,722.48	2,683,974.72	96,282,411.96	7,389,063.29	6.5%	4,887,752.85	8.0%	203,265.98	50,100.00	72,600.00	132,500.00
2024	6406	79,813,009.17	2,770,046.67	99,991,892.10	*7,743,711.40	*6.5%	*4,975,714.77	*8.0%	*210,537.10	65,300.00	79,020.00	112,000.00

* Tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan

